



# 3

## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

- LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
- UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
  - Pengurusan Projek Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN  
INDUSTRI MAKANAN  
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA  
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA  
PENGURUSAN PROJEK PELABUHAN PERIKANAN  
LKIM TANJUNG BAKO, KUCHING, SARAWAK**

---

**Perkara Utama**

**Apa yang  
diaudit?**

- Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako (PPLTB) dibina bagi menggantikan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa yang telah dibina pada tahun 1973. Model Inisiatif Pembiayaan Swasta [*Private Finance Initiative* (PFI)] yang digunakan untuk pembangunan PPLTB ialah Bina-Pajak-Senggara-Pindah [*Build-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT)]. Kos pembinaan projek berjumlah RM247.84 juta. Projek ini telah berjaya disiapkan pada 22 Julai 2017.
- Pengauditan ini merangkumi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek.
- Bagi prestasi projek, dua (2) perkara yang dinilai merangkumi pencapaian output dan pencapaian *outcome*.
- Pengurusan projek pula dinilai melalui prestasi kewangan, perancangan projek, penetapan caj/bayaran PFI, pengurusan pembinaan, pengurusan penyenggaraan oleh syarikat konsesi, pengurusan bayaran kepada syarikat konsesi dan pengurusan hasil PPLTB.
- Pengauditan melibatkan pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan projek penswastaan iaitu Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), pemilik projek iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Lawatan fizikal juga telah dibuat di PPLTB.

**Mengapa ia  
penting  
untuk  
diaudit?**

- Berdasarkan Perjanjian Konsesi, komitmen Kerajaan di sepanjang tempoh konsesi berjumlah RM906.21 juta. Sehingga 31 Disember 2019, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM120.09 juta untuk bayaran projek ini.
- Tempoh konsesi yang panjang iaitu selama 30 tahun merangkumi tiga (3) tahun pembinaan dan 27 tahun Tempoh Perkhidmatan Pengurusan Aset. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan pembinaan dan penyenggaraan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.
- Pengauditan ini dijalankan untuk memastikan objektif pembinaan PPLTB telah berjaya dicapai dan memberi impak kepada golongan sasaran.

### Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, walaupun PPLTB telah disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, PPLTB masih belum berjaya mencapai sasaran pemusatan bagi 224 bot tempatan dan pendaratan ikan sebanyak 29,661 tan metrik (mt) setahun. Antara kelemahan utama dalam pengurusan projek ialah ketiadaan parameter kewangan bagi penetapan *Availability Charges* (AC), *Maintenance Charges* (MC) dan *Maintenance Reserve Fund* (MRF); kelemahan dalam aspek pembinaan; sistem yang dibangunkan tidak *reliable*; kelemahan dalam pengurusan bayaran; dan kelemahan dalam kutipan hasil.
- Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian oleh UKAS, MAFI dan LKIM adalah seperti berikut:
  - Tiada unjuran peningkatan kapasiti disediakan sebagai justifikasi PPLTB dibina dengan kapasiti pendaratan ikan sebanyak 1,340% lebih tinggi berbanding Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Bintawa. Kesannya, PPLTB tidak digunakan secara optimum yang mana pada tahun 2019 jumlah pendaratan ikan di PPLTB adalah sebanyak 2,584.5 mt iaitu 3.6% sahaja berbanding kapasitinya sebanyak 72,000 mt setahun.
  - Pencapaian pendaratan ikan dan bot nelayan bagi tahun 2017 hingga 2019 ialah antara 1.8% hingga 47.1% sahaja berbanding sasaran yang ditetapkan. Antara faktor kegagalan pencapaian *outcome* ialah ketiadaan kilang air batu, jarak PPLTB yang jauh dari Bandaraya Kuching, ketiadaan penempatan yang sempurna untuk nelayan dan ketiadaan aktiviti penguatkuasaan.
  - Kajian kemungkinan tidak dilaksanakan menyebabkan lima (5) kemudahan dengan keluasan 57,135 kaki persegi tidak digunakan. Kelemahan ini menyebabkan berlaku pembaziran dan kerugian kepada Kerajaan kerana sejumlah RM13.22 juta bayaran AC telah dibayar untuk kemudahan yang tidak digunakan bagi tempoh 22 Julai 2017 sehingga 31 Disember 2019.
  - Mekanisme penilaian *value for money* yang objektif tidak disediakan menyebabkan kesukaran untuk menentukan sama ada keputusan Kerajaan untuk melaksanakan projek secara PFI adalah lebih menguntungkan berbanding secara konvensional.
  - Proses penilaian *Request for Proposal* (RFP) (penilaian teknikal dan kewangan) tidak dikemukakan untuk penilaian Audit kerana dokumen tawaran RFP daripada lima (5) syarikat tiada dalam simpanan UKAS.
  - Laporan hasil Makmal Pengurusan Nilai [*Value Management* (VM)] tidak dikemukakan kepada pihak Audit.
  - LKIM terlebih bayar AC berjumlah RM2.28 juta bagi tempoh 22 Julai 2017 sehingga 31 Disember 2019 kerana bayaran dibuat berdasarkan kadar AC asal dan bukannya kadar baharu.

- Kelemahan *Computerised Maintenance Management System* (CMMS) menyebabkan bayaran MC berjumlah RM239,150 sebulan telah dibuat berdasarkan maklumat *Key Performance Indicators* (KPI) yang tidak sah.
- Bayaran balik kos pengambilalihan tanah berjumlah RM3.44 juta bercanggah dengan Klausula 52.2 (b) Perjanjian Konsesi yang menetapkan kos yang boleh dibayar balik adalah berjumlah RM1.34 juta sahaja. Selain itu, bayaran berkenaan tidak dapat disahkan oleh pihak Audit kerana bucar bayaran hilang.
- Bayaran MC berjumlah RM0.98 juta tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sumber mengenai pencapaian KPI dikemukakan oleh syarikat konsesi kepada LKIM.
- LKIM telah terkurang potong MC berjumlah RM1.74 juta.
- Kadar caj penggunaan kemudahan dan perkhidmatan yang dikutip di PPLTB berbeza dengan yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah LKIM. Perkara ini memberi risiko ketirisan hasil.



# KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

## LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

### UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA

#### 1. PENGURUSAN PROJEK PELABUHAN PERIKANAN LKIM TANJUNG BAKO, KUCHING, SARAWAK

##### FAKTA UTAMA PROJEK PELABUHAN PERIKANAN LKIM TANJUNG BAKO, KUCHING, SARAWAK

|                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>RM906.21 Juta</b>                                                                                 | <b>Tempoh Konsesi: 30 Tahun</b>                                                                                                                                                                                                   | <b>PFI - BLMT</b>                                                                                                                   |
| <ul style="list-style-type: none"><li>Jumlah komitmen Kerajaan mengikut Perjanjian Konsesi</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>Pembinaan – tiga (3) tahun</li><li>Perkhidmatan Pengurusan Aset – 27 tahun</li></ul>                                                                                                        | <ul style="list-style-type: none"><li>Projek dibina secara PFI melalui kaedah <i>Build-Lease-Maintain-Transfer</i> (BLMT)</li></ul> |
| <b>Tarikh Siap Projek</b>                                                                            | 22 Julai 2017                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                     |
| <b>Tarikh Tamat Konsesi</b>                                                                          | 21 Julai 2044                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                     |
| <b>Objektif</b>                                                                                      | <ul style="list-style-type: none"><li>Menggantikan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa</li><li>Memenuhi piawaian pemasaran antarabangsa</li><li>Meningkatkan kapasiti pendaratan ikan</li><li>Mengurangkan penggunaan baraj</li></ul> |                                                                                                                                     |

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49) merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) [sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA)]. Objektif utama penubuhan LKIM adalah untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan serta memperkembangkan dan memajukan perusahaan perikanan negara.


1.2. Berdasarkan keterangan di Memorandum daripada Perdana Menteri bertarikh 25 Februari 2013, Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako (PPLTB) perlu dibina bagi menggantikan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa yang dibina pada tahun 1973. Selain itu, PPLTB dibina kerana Kompleks Perikanan LKIM Bintawa tidak memenuhi piawaian pemasaran antarabangsa; untuk menampung permintaan jangka panjang kapasiti pendaratan ikan; dan memindahkan tempat pendaratan ikan ke luar kawasan baraj<sup>1</sup>.

1.3. Pada 22 Februari 2011, Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju memperuntukkan tanah seluas 64.22 ekar di Kampung Tanjong Bako sebagai lokasi baharu Kompleks Perikanan LKIM Kuching atau dikenali sebagai PPLTB. Lokasi ini terletak 25 km dari Bandaraya Kuching dan berada di luar kawasan baraj. Tapak projek ini telah dipersetujui

<sup>1</sup> Pada tahun 1989, Kerajaan Negeri Sarawak telah membina baraj merentasi hilir Sungai Sarawak Kanan untuk tujuan kawalan banjir dan penyediaan bekalan air di Bandaraya Kuching.

dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) pada 26 Mac 2011. Seterusnya pada 7 Mac 2012, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara *Public Private Partnership* (PPP). Tapak projek PPLTB adalah seperti dalam **Gambar 1** manakala projek yang telah siap dibina adalah seperti dalam **Gambar 2**.

**GAMBAR 1**  
**TAPAK PROJEK PPLTB**



Sumber: Kertas Taklimat LKIM

**GAMBAR 2**  
**PPLTB YANG SIAP DIBINA**



Sumber: LKIM

1.4. PPP merupakan satu bentuk kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta di mana satu *stand-alone business* diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta. PPP merupakan satu (1) pakej yang merangkumi pembinaan, pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan. Sehubungan itu, program Inisiatif Pembiayaan

Swasta [*Private Finance Initiative* (PFI)] telah diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bertujuan untuk memudahkan lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam meningkatkan penyampaian kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan awam. Dalam konteks Malaysia, PFI merupakan *subset* kepada prinsip-prinsip PPP.

1.5. Model PFI yang digunakan untuk pembangunan PPLTB ialah Bina-Pajak-Senggara-Pindah [*Build-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT)] yang mana syarikat konsesi akan membina kemudahan dan infrastruktur di atas tanah Kerajaan menggunakan dana syarikat terlebih dahulu. Selepas projek disiapkan dan sedia untuk digunakan, projek berkenaan akan diserahkan kepada LKIM. Selanjutnya, LKIM akan memajakkan tanah tapak projek kepada syarikat konsesi dengan bayaran sewa pajak tanah. Syarikat konsesi akan memajakkan semula tanah dan projek yang telah disiapkan kepada LKIM dengan kadar bayaran sewa pajak atau *Availability Charges* (AC) yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi.

1.6. Tempoh pajakan dinamakan sebagai Tempoh Perkhidmatan Pengurusan Aset iaitu selama 27 tahun. Di sepanjang tempoh ini, syarikat konsesi adalah bertanggungjawab untuk menyenggara kemudahan dan infrastruktur yang telah dibangunkan. Sebagai balasan kepada perkhidmatan penyenggaraan tersebut, LKIM akan membuat bayaran *Maintenance Charges* (MC) kepada syarikat konsesi secara bulanan. Selain itu, LKIM juga akan membuat caruman ke akaun *Maintenance Reserve Fund* (MRF) yang dibuka atas nama LKIM dan syarikat konsesi bagi perbelanjaan *life cycle costing*. Butiran jenis bayaran yang terlibat dalam projek PPLTB adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**JENIS BAYARAN TERLIBAT DALAM PROJEK PPLTB**

| JENIS BAYARAN                         | PENERANGAN BAYARAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | KEKERAPAN BAYARAN                                                                    |
|---------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>PFI Related Cost</i>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran balik (<i>reimbursable cost</i>) untuk kos urusan pinjaman, penyediaan perjanjian dan lain-lain yang telah dibelanjakan oleh syarikat konsesi</li> <li>Jumlah maksimum tuntutan ialah 2.5% daripada jumlah kos pembinaan</li> </ul>                                    | Sekali sepanjang tempoh konsesi                                                      |
| Perolehan Tanah                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran balik kos perolehan tanah yang telah dibayar oleh syarikat konsesi kepada Kerajaan Negeri Sarawak</li> </ul>                                                                                                                                                           |                                                                                      |
| Kos Perunding                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran balik kos perunding bagi pelaksanaan <i>preliminary feasibility study</i> yang telah dibayar oleh syarikat konsesi</li> </ul>                                                                                                                                          |                                                                                      |
| <i>Availability Charges</i> (AC)      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran sewa pajak bagi penggunaan kemudahan dan infrastruktur yang telah dibangunkan oleh syarikat konsesi</li> </ul>                                                                                                                                                         | Setiap bulan mulai Tempoh Perkhidmatan Pengurusan Aset sehingga tamat tempoh konsesi |
| <i>Maintenance Charges</i> (MC)       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran untuk perkhidmatan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi</li> <li>Bayaran ini boleh dipotong jika syarikat konsesi gagal menjalankan perkhidmatan mengikut <i>Asset Management Services Manual</i> yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi</li> </ul> |                                                                                      |
| <i>Maintenance Reserve Fund</i> (MRF) | <ul style="list-style-type: none"> <li>Caruman ke akaun bersama MRF</li> <li>Wang daripada akaun MRF akan digunakan untuk membiayai kos penggantian dan penyenggaraan aset seperti yang telah ditetapkan dalam <i>Asset Management Services Manual</i></li> </ul>                                                     |                                                                                      |

Sumber: Perjanjian Konsesi

1.7. Perjanjian Konsesi telah ditandatangani antara MoA, LKIM dan syarikat konsesi pada 7 Mei 2013. Tempoh konsesi adalah selama 30 tahun yang merangkumi tiga (3) tahun tempoh pembinaan dan 27 tahun Tempoh Perkhidmatan Pengurusan Aset. Kos pembinaan projek berjumlah RM247.84 juta. Projek ini telah berjaya disiapkan pada 22 Julai 2017. Berdasarkan Perjanjian Konsesi, jumlah komitmen Kerajaan sepanjang tempoh konsesi adalah berjumlah RM906.21 juta. Sehingga 31 Disember 2019, sejumlah RM132.78 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk perbelanjaan projek ini. Daripada peruntukan berkenaan, sejumlah RM120.09 juta (90.4%) telah dibelanjakan. Ringkasan mengenai projek PPLTB adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**RINGKASAN MAKLUMAT PROJEK PPLTB**

| PERKARA                                                         | KETERANGAN                                     |
|-----------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| Model Penswastaan                                               | <i>Build-Lease-Maintain-Transfer</i> (BLMT)    |
| Tarikh Perjanjian                                               | 7 Mei 2013                                     |
| Tarikh Kuat Kuasa Perjanjian ( <i>Effective Date</i> )          | 22 November 2013                               |
| Tarikh Mula Pembinaan ( <i>Construction Commencement Date</i> ) | 22 Julai 2014                                  |
| Tarikh <i>Certificate of Acceptance</i> (COA)                   | 22 Julai 2017                                  |
| Tempoh Konsesi                                                  | 30 Tahun (22 Julai 2014 – 21 Julai 2044)       |
| Tempoh Pembinaan                                                | Tiga (3) Tahun (22 Julai 2014 – 21 Julai 2017) |
| Kos Pembinaan                                                   | RM247.84 juta                                  |
| Jumlah Komitmen Kerajaan (mengikut Perjanjian Konsesi)          | RM906.21 juta                                  |

Sumber: Perjanjian Konsesi

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek PPLTB telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif dan *outcome* berikut:

- a. empat (4) objektif yang telah ditetapkan iaitu menggantikan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa, memenuhi piawaian pemasaran antarabangsa, menampung permintaan jangka panjang pendaratan ikan dan mengurangkan penggunaan baraj;
- b. *outcome* projek iaitu pemusatan pendaratan bot nelayan tempatan dan pendaratan ikan; dan
- c. *outcome* sebagai projek PFI.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini merangkumi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai melalui pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pengurusan projek pula dinilai melalui prestasi kewangan, perancangan projek, penetapan caj/bayaran PFI, pengurusan pembinaan, pengurusan penyenggaraan oleh

syarikat konsesi, pengurusan bayaran kepada syarikat konsesi dan pengurusan hasil PPLTB. Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Bagaimanapun, semakan terhadap rekod perancangan telah dibuat mulai tahun 2008.

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, minit mesyuarat dan rekod kewangan serta mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat. Pengauditan telah dijalankan di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), MAFI dan LKIM. Maklumat dan dokumen juga telah diperoleh dari Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak. Lawatan fizikal serta semakan dokumen turut dilaksanakan di PPLTB. Analisis telah dibuat terhadap 480 data *Work Order* (WO) dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Selain itu, borang soal selidik telah diedarkan kepada kakitangan LKIM, penyewa premis dan nelayan untuk menilai tahap perkhidmatan penyenggaraan di PPLTB. Sesi *town hall* Audit bersama wakil persatuan nelayan sekitar Daerah Kuching, peniaga dan pengusaha di PPLTB serta wakil syarikat konsesi telah diadakan pada 7 Ogos 2019 bertujuan mendapatkan maklum balas dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengguna PPLTB.

#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2019. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada UKAS, MAFI dan LKIM telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) pada 19 Mei 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

##### **5.1. Prestasi Projek**

###### **5.1.1. Pencapaian Output**

Pencapaian output projek dinilai berdasarkan pencapaian fizikal projek, penggantian Kompleks LKIM Bintawa dan pematuhan piawaian pemasaran antarabangsa. Penemuan Audit berkaitan perkara ini adalah seperti berikut:

###### **a. Pencapaian Fizikal Projek**

Klausa 1.1 Perjanjian Konsesi menetapkan tempoh pembinaan dan penyiapan semua kemudahan dan infrastruktur adalah dalam tempoh 36 bulan daripada *Construction Commencement Date* (CCD) atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan. Semakan Audit mendapati PPLTB telah disiapkan pada 22 Julai 2017 iaitu dalam tempoh 36 bulan daripada CCD (22 Julai 2014).

## **b. Penggantian Kompleks Perikanan LKIM Bintawa**

Berdasarkan Memorandum daripada Perdana Menteri bertarikh 25 Februari 2013, PPLTB perlu dibina bagi menggantikan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa. Semakan Audit terhadap surat Ibu Pejabat LKIM kepada LKIM Negeri Sarawak bertarikh 31 Oktober 2017 mendapati LKIM telah memutuskan supaya **pengoperasian pendaratan ikan dan perjanjian pengurusan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa ditamatkan berkuat kuasa pada 1 November 2017**. Keputusan ini dibuat berikutan **pengoperasian PPLTB yang telah bermula pada 1 Ogos 2017**. Lawatan Audit pada 7 Ogos 2019 ke Kompleks Perikanan LKIM Bintawa juga mendapati kompleks ini tidak lagi beroperasi sebagai tempat pendaratan ikan.

## **c. Pematuhan Piawaian Pemasaran Antarabangsa**

- i. Bagi memenuhi piawaian pemasaran antarabangsa, PPLTB turut dilengkapi ruang kualiti European Union (EU). Ruang ini dibina selaras dengan **keputusan Mesyuarat Pengeksportan Hasil Ikan ke EU pada 14 Mei 2009 yang bersetuju supaya kompleks pendaratan LKIM dibina atau dinaik taraf mengikut keperluan EU**. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan YB Menteri Kesihatan pada ketika itu.
- ii. Semakan Audit mendapati ruang kualiti EU di PPLTB hanya diiktiraf oleh Bahagian Kawal Selia Pendaratan Ikan, LKIM sebagai tempat pendaratan ikan bagi tujuan pengeksportan ke EU pada 28 Januari 2020 iaitu 30 bulan selepas PPLTB beroperasi. Pengiktirafan ini adalah bagi tempoh 1 Februari 2020 hingga 31 Januari 2021. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kelewatan dalam proses permohonan mendapatkan pengiktirafan oleh syarikat konsesi. Borang permohonan pengiktirafan ruang kualiti EU hanya dikemukakan kepada Bahagian Kawal Selia Pendaratan Ikan, LKIM pada 29 Ogos 2019, iaitu selepas dua (2) tahun PPLTB beroperasi.

### **5.1.2. Pencapaian *Outcome***

Pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan lima (5) perkara iaitu peningkatan kapasiti pendaratan ikan, pengurangan penggunaan baraj, pemusatan pendaratan bot dan ikan, penilaian *outcome* projek PFI serta tahap kepuasan pengguna. Secara keseluruhannya, projek ini masih belum berjaya mencapai semua *outcome* yang ditetapkan. Sehubungan itu, sesi *town hall* Audit telah diadakan pada 7 Ogos 2019 bagi mengenal pasti faktor penyebab *outcome* tidak berjaya dicapai. Penemuan Audit berkaitan pencapaian *outcome* adalah seperti berikut:

### a. Peningkatan Kapasiti Pendaratan Ikan

- i. Berdasarkan Memorandum daripada Perdana Menteri bertarikh 25 Februari 2013, PPLTB perlu dibina kerana Kompleks Perikanan LKIM Bintawa tidak dapat menampung permintaan jangka panjang pendaratan dari vesel nelayan yang semakin meningkat. LKIM dalam maklum balasnya telah mengesahkan bahawa kapasiti pendaratan ikan di Kompleks Perikanan LKIM Bintawa adalah sebanyak 5,000 mt setahun. Kapasiti PPLTB adalah sebanyak 72,000 mt setahun dan ini bermakna PPLTB telah dapat meningkatkan kapasiti pendaratan ikan sebanyak 1,340%.
- ii. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap data pendaratan ikan kompleks perikanan LKIM bagi tempoh tahun 2014 hingga 2019 mendapati jumlah pendaratan ikan menurun sejak penutupan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa pada bulan Ogos 2017. Pada tahun 2016, jumlah pendaratan ikan adalah sebanyak 7,858.3 mt dan menurun kepada 2,584.5 mt pada tahun 2019. Maklumat lanjut berkaitan jumlah pendaratan ikan adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**JUMLAH PENDARATAN IKAN DI KOMPLEKS PERIKANAN LKIM**  
**BINTAWA DAN PPLTB BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2019**

| BULAN         | KOMPLEKS PERIKANAN LKIM BINTAWA |                |                |                | PPLTB        |                |                |
|---------------|---------------------------------|----------------|----------------|----------------|--------------|----------------|----------------|
|               | TAHUN (mt)                      |                |                |                | TAHUN (mt)   |                |                |
|               | 2014                            | 2015           | 2016           | 2017           | 2017         | 2018           | 2019           |
| Januari       | 22.5                            | 52.5           | 376.6          | 278.4          | TB           | 304.5          | 230.6          |
| Februari      | 48.8                            | 61.0           | 329.2          | 236.9          | TB           | 83.1           | 104.1          |
| Mac           | 74.1                            | 467.7          | 636.4          | 463.9          | TB           | 281.0          | 184.9          |
| April         | 96.5                            | 483.6          | 1,026.8        | 663.2          | TB           | 399.7          | 232.4          |
| Mei           | 96.6                            | 728.0          | 946.2          | 617.1          | TB           | 320.6          | 306.6          |
| Jun           | 92.6                            | 598.3          | 806.3          | 477.7          | TB           | 171.9          | 174.1          |
| Julai         | 148.4                           | 798.0          | 719.1          | 405.5          | TB           | 435.4          | 247.3          |
| Ogos          |                                 | 1,083.2        | 816.2          | 455.1          | 2.6          | 506.5          | 289.7          |
| September     | 93.2                            | 923.8          | 670.8          | TB             | 0            | 394.8          | 273.5          |
| Oktober       | 85.6                            | 993.6          | 502.6          | TB             | 31.1         | 448.7          | 205.6          |
| November      | 61.7                            | 761.6          | 620.7          | TB             | 192.5        | 255.4          | 206.4          |
| Disember      | 70.7                            | 602.2          | 407.4          | TB             | 47.0         | 352.9          | 129.3          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>890.7</b>                    | <b>7,553.5</b> | <b>7,858.3</b> | <b>3,597.8</b> | <b>273.2</b> | <b>3,954.5</b> | <b>2,584.5</b> |

Sumber: Laporan Pendaratan Ikan bagi Tahun 2014 hingga 2019

Nota: TB - Tidak Berkaitan

- iii. Penurunan dalam jumlah pendaratan ikan ini menunjukkan bahawa PPLTB tidak digunakan secara optimum. **Pada tahun 2019, jumlah pendaratan ikan di PPLTB adalah sebanyak 2,584.5 mt sahaja iaitu 3.6% berbanding kapasitinya sebanyak 72,000 mt setahun.** Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada unjuran peningkatan kapasiti pendaratan ikan disediakan semasa perancangan projek. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi PPLTB dibina dengan kapasiti 1,340% lebih besar berbanding Kompleks Perikanan LKIM Bintawa.**
- iv. Bagi mendapatkan gambaran mengenai industri perikanan di kawasan sekitar PPLTB, pihak Audit telah mendapatkan maklumat pendaratan ikan di Daerah Kuching dan Santubong daripada Jabatan Perikanan Laut Sarawak. Semakan Audit mendapati jumlah pendaratan ikan di Daerah Kuching dan Santubong adalah semakin meningkat sejak tahun 2010. Pada tahun 2018 jumlah pendaratan ikan telah meningkat sehingga 72,389 mt setahun. Maklumat lanjut mengenai jumlah pendaratan ikan Daerah Kuching dan Santubong adalah seperti dalam **Jadual 4**. Berdasarkan maklum balas Jabatan Perikanan Laut Sarawak pada 17 Julai 2020, vesel dari Daerah Kuching dan Santubong perlu mendaratkan ikan di PPLTB mulai 1 Januari 2018. Syarat ini telah dicap dalam buku lesen pemilik vesel. Sehubungan itu, jika semua nelayan di Daerah Kuching dan Santubong mematuhi syarat ini, kapasiti PPLTB sebanyak 72,000 mt setahun akan digunakan sepenuhnya.

**JADUAL 4**  
**JUMLAH PENDARATAN IKAN DI DAERAH KUCHING DAN SANTUBONG**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2019**

| TAHUN | DAERAH KUCHING<br>(mt) | DAERAH<br>SANTUBONG<br>(mt) | JUMLAH<br>(mt) |
|-------|------------------------|-----------------------------|----------------|
| 2010  | 22,107.3               | 2,336.3                     | 24,443.6       |
| 2011  | 21,966.9               | 3,688.3                     | 25,655.2       |
| 2012  | 25,968.7               | 7,843.4                     | 33,812.1       |
| 2013  | 29,135.2               | 7,601.6                     | 36,736.8       |
| 2014  | 29,660.8               | 7,555.9                     | 37,216.7       |
| 2015  | 27,519.7               | 8,947.5                     | 36,467.2       |
| 2016  | 26,265.6               | 8,440.1                     | 34,705.7       |
| 2017  | 28,715.1               | 10,265.3                    | 38,980.4       |
| 2018  | 56,514.9               | 15,874.3                    | 72,389.2       |
| 2019  | 48,396.8               | 14,540.4                    | 62,937.2       |

Sumber: Jabatan Perikanan Laut Sarawak

## **b. Pengurangan Penggunaan Baraj**

- i. Memorandum daripada Perdana Menteri bertarikh 25 Februari 2013 menyatakan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa terletak di kawasan hulu baraj yang dibina bagi tujuan kawalan banjir. Memandangkan bot-bot nelayan perlu melalui baraj untuk mendarat di Bintawa, maka pintu baraj perlu dibuka bagi laluan bot tersebut. Situasi ini menjejaskan operasi baraj kerana kekerapan baraj dibuka menyumbang kepada peningkatan kos operasi serta penyenggaraan baraj. Oleh itu, pembinaan PPLTB dijangka dapat mengatasi isu ini kerana lokasi PPLTB terletak di luar kawasan baraj.
- ii. Namun begitu, lawatan Audit pada 7 Ogos 2019 mendapati baraj masih dibuka untuk laluan bot nelayan. Berdasarkan statistik dari LSS, **kekerapan bot nelayan melalui pintu baraj bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah semakin meningkat**. Pada tahun 2015, kekerapan bot nelayan yang melalui pintu baraj adalah sebanyak 6,380 kali. Kekerapan ini meningkat kepada 6,495 kali (1.8%) pada tahun 2019. Selain itu, **pihak LSS juga mengesahkan bahawa mereka belum mempunyai perancangan untuk menutup baraj bagi laluan kapal (amnya) dan bot nelayan (khususnya)**.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 10 Mac, 13 Mei dan 29 Mei 2020**

Isu penggunaan baraj turut melibatkan agensi lain yang berkaitan. Bagi meningkatkan jumlah pendaratan ikan di PPLTB, LKIM melaksanakan strategi seperti berikut:

- i. pembinaan kilang air batu yang termasuk dalam pembangunan Fasa 2 PPLTB telah mula dibina pada 27 November 2019;
- ii. sebanyak 12 sesi *engagement* bersama nelayan, peniaga, pemborong, pengilang air batu dan pemilik jeti swasta dilaksanakan secara berterusan sejak tahun 2016 hingga 2020; dan
- iii. kerjasama strategik bersama semua agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Jawatankuasa akan ditubuhkan selepas lawatan Setiausaha Tetap Kementerian Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak. Lawatan dijangka akan diadakan pada bulan Julai 2020.

### **Maklum balas LSS yang diterima pada 13 November 2020**

Pihak LSS mengesahkan bahawa sehingga kini baraj masih lagi dibuka untuk membenarkan pergerakan kapal keluar dan masuk. Ini adalah kerana tiada peruntukan perundangan di bawah Sarawak Rivers Ordinance, 1993 dan The Sarawak Rivers (Sungai Sarawak Barrage) Regulation, 1997 yang melarang atau tidak membenarkan kapal melalui baraj kecuali kapal yang melebihi 500 *gross tonnage* atau

mempunyai dimensi melebihi 23 meter lebar dan 95 meter panjang serta 15 meter *air draught* dan tujuh (7) meter *water draught*.

**Pendapat Audit** | **Objektif pembinaan PPLTB masih belum tercapai sepenuhnya kerana PPLTB tidak digunakan secara optimum oleh nelayan di Daerah Kuching dan Santubong. Selain itu, pembukaan baraj kepada bot nelayan telah menyumbang kepada kurangnya jumlah pendaratan ikan di PPLTB.**

### c. Pemusatan Pendaratan Bot dan Ikan

- i. Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII), sasaran *outcome* bagi projek PPLTB adalah pemusatan pendaratan bagi 224 buah bot nelayan tempatan dan pendaratan ikan sebanyak 29,661 mt setahun. Bagi mencapai *outcome* tersebut, pihak LKIM telah menyediakan unjuran lima (5) tahun seperti yang dibentangkan kepada pihak Audit semasa taklimat awal pengauditan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas yang digunakan oleh LKIM dalam penetapan unjuran berkenaan. Tiada dokumen atau minit mesyuarat dikemukakan untuk semakan pihak Audit.
- ii. Bagi menilai pencapaian *outcome* projek, semakan telah dibuat terhadap Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB. Hasil semakan Audit mendapati kedua-dua *outcome* yang disasarkan tidak berjaya dicapai bagi tahun 2017 hingga 2019. Status pencapaian pendaratan bot dan ikan adalah seperti berikut:
  - pendaratan bot nelayan tempatan adalah antara 38.6% hingga 47.1%; dan
  - pendaratan ikan adalah antara 1.8% hingga 16.7%.


Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 5** serta **Carta 1** dan **2**.

**JADUAL 5**  
**PENCAPAIAN PENDARATAN IKAN DAN BOT NELAYAN TEMPATAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

| TAHUN                                  | 2017   | 2018    | 2019    |
|----------------------------------------|--------|---------|---------|
| <b>Pendaratan Bot Nelayan Tempatan</b> |        |         |         |
| Sasaran (kuantiti)                     | 88     | 140     | 176     |
| Pencapaian (kuantiti)                  | 36     | 66      | 68      |
| Peratus Pencapaian (%)                 | 40.9   | 47.1    | 38.6    |
| <b>Pendaratan Ikan</b>                 |        |         |         |
| Sasaran (mt)                           | 14,830 | 23,728  | 29,700  |
| Pencapaian (mt)                        | 273.3  | 3,954.5 | 2,584.5 |
| Peratus Pencapaian (%)                 | 1.8    | 16.7    | 8.7     |


Sumber: Slaid Taklimat LKIM dan Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB

**CARTA 1**  
**BILANGAN BOT NELAYAN TEMPATAN YANG MENDARAT DI PPLTB**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**



Sumber: Slaid Taklimat LKIM dan Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB

**CARTA 2**  
**JUMLAH PENDARATAN IKAN DI PPLTB**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**



Sumber: Slaid Taklimat LKIM dan Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebahagian data pendaratan ikan yang direkodkan oleh LKIM adalah berdasarkan data anggaran. Analisis Audit terhadap sampel 11 bulan Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB mendapati 214 (46.1%) daripada 464 rekod dengan berat ikan berjumlah 1,452,333 kg merupakan data anggaran. Penggunaan data anggaran telah menyebabkan maklumat pendaratan ikan yang dilaporkan tidak tepat. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.


**JADUAL 6**  
**ANALISIS TERHADAP SAMPEL 11 BULAN**  
**LAPORAN HARIAN PENDARATAN IKAN PPLTB**

| BIL.   | BULAN         | DATA SEBENAR<br>(a) |               |                | DATA ANGGARAN<br>(b) |               |                | JUMLAH<br>(c = a + b) |               |                |
|--------|---------------|---------------------|---------------|----------------|----------------------|---------------|----------------|-----------------------|---------------|----------------|
|        |               | BIL.<br>REKOD       | BERAT<br>(kg) | JUMLAH<br>(RM) | BIL.<br>REKOD        | BERAT<br>(kg) | JUMLAH<br>(RM) | BIL.<br>REKOD         | BERAT<br>(kg) | JUMLAH<br>(RM) |
| 1.     | November 2017 | 23                  | 168,309       | 434,474        | 4                    | 24,207        | 54,461         | 27                    | 192,516       | 488,935        |
| 2.     | Disember 2017 | 8                   | 37,395        | 99,197         | 4                    | 9,268         | 28,091         | 12                    | 46,663        | 127,288        |
| 3.     | April 2018    | 23                  | 280,715       | 567,710        | 14                   | 118,950       | 255,233        | 37                    | 399,665       | 822,943        |
| 4.     | Julai 2018    | 30                  | 308,007       | 738,779        | 21                   | 127,352       | 541,788        | 51                    | 435,359       | 1,280,567      |
| 5.     | Ogos 2018     | 41                  | 353,466       | 901,932        | 24                   | 153,064       | 398,172        | 65                    | 506,530       | 1,300,104      |
| 6.     | Oktober 2018  | 36                  | 251,484       | 691,190        | 24                   | 197,238       | 478,336        | 60                    | 448,722       | 1,169,526      |
| 7.     | Januari 2019  | 18                  | 108,310       | 290,032        | 28                   | 122,320       | 341,730        | 46                    | 230,630       | 631,762        |
| 8.     | April 2019    | 23                  | 88,558        | 346,471        | 20                   | 141,386       | 550,969        | 43                    | 229,944       | 897,440        |
| 9.     | Mei 2019      | 21                  | 84,855        | 348,847        | 31                   | 222,119       | 859,678        | 52                    | 306,974       | 1,208,525      |
| 10.    | Jun 2019      | 7                   | 46,281        | 152,426        | 17                   | 127,769       | 472,895        | 24                    | 174,050       | 625,321        |
| 11.    | Ogos 2019     | 20                  | 81,085        | 336,381        | 27                   | 208,660       | 790,690        | 47                    | 289,745       | 1,127,071      |
| JUMLAH |               | 250                 | 1,808,465     | 4,907,439      | 214                  | 1,452,333     | 4,772,043      | 464                   | 3,260,798     | 9,679,482      |

Sumber: Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB

- iv. Temu bual dengan pegawai PPLTB menjelaskan bahawa semasa pendaratan, berat ikan akan dianggarkan mengikut jumlah bekas yang didaratkan. Bagaimanapun, pihak PPLTB tidak menyenggara sebarang rekod mengenai bilangan bekas ikan yang didaratkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati anggaran berat ikan yang telah direkod semasa hari pendaratan akan dikemas kini kepada rekod sebenar apabila nelayan menyerahkan penyata jualan ikan. Namun begitu, semakan Audit terhadap Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB mendapati tidak semua rekod anggaran telah dikemas kini kepada rekod sebenar. Perkara ini berlaku kerana hanya nelayan yang menerima minyak bersubsidi datang semula ke PPLTB untuk menyerahkan penyata jualan ikan.
- v. Amalan ini tidak selaras dengan Proses Kerja Pelepasan Ikan ke Luar Kompleks yang menghendaki supaya berat ikan sebenar direkodkan sebelum konsaimen dibenarkan dibawa keluar dari kawasan kompleks. Carta Aliran Kerja Pelepasan Ikan ke Luar Kompleks adalah seperti dalam **Rajah 1**.

**RAJAH 1**  
**CARTA ALIRAN KERJA PELEPASAN IKAN KE LUAR KOMPLEKS**



Sumber: Manual Prosedur Kerja LKIM

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 13 dan 29 Mei 2020**

Surat teguran dari Ketua Pengarah LKIM bertarikh 12 Mei 2020 telah dikeluarkan kepada Pengurusan PPLTB untuk mengambil tindakan supaya mematuhi Prosedur Kerja Pelepasan Ikan ke Luar Kompleks.

**Pendapat Audit** | **Setakat tarikh laporan Audit, PPLTB belum mencapai *outcome* yang telah ditetapkan dari segi pemusatan pendaratan bot dan ikan.**

#### **d. Penilaian *Outcome* Projek PFI**

- i. Berdasarkan Perenggan 2.1 Garis Panduan PPP yang dikeluarkan oleh UKAS, sesebuah projek PPP/PFI dilaksanakan dengan mengambil kira manfaat dari segi impak terhadap sosioekonomi; *value for money* dan penjimatan kos kepada Kerajaan; penyampaian projek dalam masa yang lebih singkat dan peningkatan tahap perkhidmatan; serta peningkatan tahap kebertanggungjawaban, kecekapan dan keberkesanan.

- ii. Semakan Audit mendapati tiada penetapan mengenai tanggungjawab dan keperluan untuk melaksanakan penilaian *outcome* projek PFI ditetapkan dalam mana-mana garis panduan/prosedur kerja. Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada mekanisme/indikator pengukuran yang ditetapkan bagi mengukur sejauh mana sesuatu projek telah mencapai objektif PFI. Perkara ini telah menyebabkan pencapaian manfaat projek PFI seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan PPP tidak dapat ditentukan.

### **Maklum balas UKAS yang diterima pada 28 Mei 2020**

Mengambil kira kekangan dari segi peruntukan kewangan dan tenaga kerja, UKAS berpandangan kajian impak bagi mengukur pencapaian *outcome* projek secara keseluruhan sewajarnya dilaksanakan oleh kementerian/agensi berkaitan. Skop kajian perlu meliputi sama ada objektif PFI telah tercapai atau tidak. Hal ini kerana pelaksanaan projek secara PPP/PFI telah dicadangkan oleh kementerian/agensi sendiri yang mempunyai data dan maklumat yang tersedia meliputi pelaksanaan projek secara PFI dan juga konvensional. Jangka masa munasabah bagi menilai sesuatu projek PFI adalah sekurang-kurangnya lima (5) tahun setelah projek tersebut siap dan mula beroperasi.

**Pendapat Audit** | **Penilaian *outcome* adalah penting bagi menilai sama ada projek yang dilaksanakan secara PFI telah mencapai manfaat PFI yang ditetapkan. Hasil penilaian ini juga dapat membantu Kerajaan dalam menilai sama ada pelaksanaan PFI telah memberikan *value for money* dan penjimatan kos kepada Kerajaan.**

#### **e. Tahap Kepuasan Pengguna**

- i. Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan yang disediakan dan aktiviti penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi telah dikaji bagi memberi gambaran terhadap pencapaian *outcome* projek ini. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 69 soal selidik kepada responden yang terdiri daripada 34 kakitangan LKIM/penyewa premis dan 35 nelayan untuk menilai tahap kepuasan pengguna di PPLTB.
- ii. Sebanyak dua (2) set soal selidik yang berlainan telah disediakan untuk kakitangan LKIM/penyewa premis dan nelayan. Soal selidik yang diedarkan untuk kakitangan LKIM/penyewa premis merangkumi lima (5) item utama iaitu bangunan; kantin; landskap dan persekitaran; keselamatan; dan khidmat pelanggan. Soal selidik untuk nelayan pula terbahagi kepada dua (2) bahagian

iaitu tahap perkhidmatan oleh syarikat konsesi dan penyediaan kemudahan. Tahap kepuasan pengguna diukur dengan meminta responden memberi persepsi sama ada mereka bersetuju terhadap kenyataan/perkara yang dinyatakan. Skala yang ditetapkan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**SKALA PENGUKURAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA**

| SKALA | KRITERIA            | PENERANGAN                                                                                                  |
|-------|---------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1     | Sangat Tidak Setuju | Sangat tidak setuju bahawa kemudahan di PPLTB adalah dalam keadaan baik dan telah disenggarakan dengan baik |
| 2     | Tidak Setuju        | Tidak setuju bahawa kemudahan di PPLTB adalah dalam keadaan baik dan telah disenggarakan dengan baik        |
| 3     | Setuju              | Setuju bahawa kemudahan di PPLTB adalah dalam keadaan baik dan telah disenggarakan dengan baik              |
| 4     | Sangat Setuju       | Sangat setuju bahawa kemudahan di PPLTB adalah dalam keadaan baik dan telah disenggarakan dengan baik       |

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis deskriptif menunjukkan pengguna bersetuju bahawa kemudahan di PPLTB adalah dalam keadaan baik, boleh digunakan dan bersih. **Purata skor bagi kakitangan LKIM/penyewa premis ialah 3.06 manakala nelayan 3.21 yang memberi indikator bahawa kualiti perkhidmatan dan kerja penyenggaraan yang diberikan oleh syarikat konsesi adalah baik.**
- iv. Semakan lanjut terhadap **skor bagi kakitangan LKIM/penyewa premis mendapati item skor tahap keselamatan telah merekodkan purata skor terendah iaitu 2.7.** Ini menunjukkan perhatian terhadap aspek keselamatan PPLTB perlu dipertingkatkan dari aspek sistem *Closed Circuit Television* (CCTV), kawalan serangga dan kawalan terhadap haiwan liar. Semakan terhadap **responden nelayan mendapati mereka berpendapat bahawa kemudahan di PPLTB masih belum lengkap yang mana item ini telah merekodkan purata skor terendah iaitu 2.72.**

**Pendapat Audit** | **Pengguna di PPLTB bersetuju bahawa kemudahan di PPLTB adalah dalam keadaan baik dan telah disenggarakan dengan baik. Bagaimanapun, tahap keselamatan masih boleh dipertingkatkan.**

#### **f. Faktor Penyebab *Outcome* Tidak Berjaya Dicapai**

Bagi membolehkan pihak Audit bertemu dan mendapatkan maklum balas daripada pengguna PPLTB berkaitan pembinaan dan pengurusan PPLTB, sesi *town hall* Audit telah diadakan pada 7 Ogos 2019. Sesi tersebut dihadiri pegawai LKIM dan MoA, persatuan nelayan di sekitar Kuching, peniaga dan pengusaha di PPLTB serta wakil syarikat konsesi. Hasil maklum balas semasa sesi *town hall* Audit dan analisis Audit mendapati antara **sebab PPLTB tidak digunakan secara optimum adalah kerana ketiadaan kilang air batu; jarak PPLTB yang jauh dari Bandaraya Kuching iaitu sejauh 25 km; ketiadaan penempatan yang sempurna untuk nelayan; dan ketiadaan aktiviti penguatkuasaan**. Penjelasan lanjut adalah seperti dalam perenggan berikut:

#### **i. Ketidadaan Kilang Air Batu**

- LKIM pada 18 April 2011 telah mengemukakan *Statement of Needs* projek PPLTB kepada UKAS. Antara komponen yang dicadangkan sebagai keperluan dalam pembinaan PPLTB adalah termasuk pembinaan kilang air batu. Selain itu, semasa Mesyuarat Pelarasan Cadangan Projek Pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM pada 1 Jun 2012 yang dihadiri oleh pegawai LKIM dan syarikat konsesi, LKIM telah menyatakan bahawa komponen kilang air batu amat diperlukan bagi melancarkan pengoperasian sesebuah kompleks pendaratan ikan.
- Bagaimanapun, semakan Audit terhadap dokumen *Request for Proposal* (RFP) yang disediakan oleh UKAS pada bulan Ogos 2011 mendapati skop projek telah dibahagikan kepada dua (2) komponen iaitu komponen Kerajaan dan komponen swasta. Semakan Audit mendapati antara kemudahan dalam komponen swasta yang dicadangkan ialah kafeteria, kompleks Industri Kecil dan Sederhana serta kilang air batu. Pembinaan kilang air batu tidak termasuk dalam komponen projek yang dibiayai oleh Kerajaan kerana pihak swasta boleh menjana pulangan pelaburan secara komersial daripada pembinaan tersebut.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati sejak tahun 2017, LKIM telah mengambil tindakan untuk membina kilang air batu dalam pembangunan Fasa 2 PPLTB bagi mengatasi masalah ini. Perjanjian penyewaan tanah bagi tujuan pembinaan kilang air batu dengan dua (2) syarikat dan satu (1) persatuan nelayan telah ditandatangani pada bulan Oktober dan November 2018 serta Januari 2019. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan pada 4 Oktober 2019, tiada aktiviti pembangunan dilaksanakan dalam Fasa 2.

### **Maklum balas UKAS yang diterima pada 3 Mac dan 28 Mei 2020**

Komponen kilang air batu telah dikeluarkan dari skop projek semasa siri perbincangan dan mesyuarat rundingan harga untuk mengurangkan kos projek serta dirancang untuk dilaksanakan di bawah pembangunan Fasa 2 PPLTB.


### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 5 Jun 2020**

Pembinaan kilang air batu dengan kapasiti 30 mt telah dimulakan pada 27 November 2019 dan sepatutnya siap pada 20 Mei 2020. Sehingga 17 Mac 2020, kemajuan fizikal di tapak ialah sebanyak 37.5% berbanding jadual 76.5%.

#### **ii. Jarak PPLTB dari Bandaraya Kuching**

- Selain daripada ketiadaan kilang air batu, faktor jarak antara PPLTB dengan Bandaraya Kuching yang jauh juga menyumbang kepada kegagalan pencapaian *outcome* projek ini. Berdasarkan *Google Maps*, jarak antara PPLTB dengan Bandaraya Kuching ialah sejauh 25 km dengan masa perjalanan selama 33 minit. Jarak antara Kompleks Perikanan LKIM Bintawa dengan Bandaraya Kuching ialah tujuh (7) km dengan masa perjalanan 12 minit. Semasa Mesyuarat Pembukaan (*Entrance Conference*) pada 6 Ogos 2019, pihak Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pelabuhan Sarawak menyatakan sedang menjalankan kajian pembinaan *Second Kuching-Samarahan Trunk Road* bagi memendekkan jarak perjalanan dari Bandaraya Kuching ke Tanjong Bako.
- Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh UPEN Sarawak, projek ini telah ditender secara berperingkat mulai bulan Disember 2019. Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) sub-projek iaitu pembinaan jambatan, naik taraf jalan sedia ada sepanjang sembilan (9) km dan juga pembinaan jalan baharu sepanjang tujuh (7) km. Kelulusan pertapakan telah diperoleh melalui *State Planning Authority* pada 27 Mac 2019. Menurut Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, pembinaan *Second Kuching-Samarahan Trunk Road* akan mengurangkan jarak dari Bandaraya Kuching ke Tanjong Bako sebanyak 17 km. Lokasi projek adalah seperti dalam **Gambar 3**.

**GAMBAR 3**  
**CADANGAN PEMBINAAN *SECOND KUCHING-SAMARAHAN TRUNK ROAD***



Sumber: *Project Brief, Pembinaan Second Kuching-Samarahan Trunk Road*

### **Maklum balas UPEN Sarawak yang diterima pada 29 Mei 2020**

Makmal Pengurusan Nilai [*Value Management* (VM)] telah dijalankan pada bulan Januari dan Mac 2020. Pada masa ini, JKR Sarawak sedang mengkaji pilihan pembangunan berkenaan ketinggian jambatan yang memberi kesan kepada kapal untuk melalui Sungai Sarawak.

#### **iii. Penempatan untuk Nelayan**

- Semasa sesi *town hall* Audit pada 7 Ogos 2020 diadakan, wakil nelayan telah mengutarakan masalah ketiadaan penempatan nelayan di kawasan Tanjong Bako. Perkara ini menyukarkan nelayan untuk berulang alik dari kediaman mereka. Sehubungan itu, pihak Audit telah mendapatkan maklumat mengenai cadangan pembangunan kawasan Tanjong Bako daripada UPEN Sarawak.
- Berdasarkan cadangan pembangunan kawasan Tanjong Bako, UPEN Sarawak mempunyai perancangan untuk mewujudkan kawasan bandar baharu yang akan dibina oleh pihak swasta. Bandar baharu ini terdiri daripada kawasan kediaman, premis perniagaan dan pembangunan bercampur yang akan dilaksanakan dari tahun 2020 hingga 2030.

### **Maklum balas UPEN Sarawak yang diterima pada 29 Mei 2020**

Proses pengambilan balik tanah belum dilaksanakan.

#### **iv. Ketiadaan Aktiviti Penguatkuasaan**

- Pada 24 November 2017, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Pelesenan Bil. 9/2017 yang menetapkan:
  - semua vesel penangkapan ikan Zon B, C dan C2 di Daerah Kuching, sebanyak 172 buah akan disyaratkan untuk mendaratkan ikan di PPLTB secara serta-merta dari tarikh surat ini dikeluarkan. Pengambilan air batu, minyak dan bekalan lain masih dibenarkan di luar PPLTB sehingga dimuktamadkan kelak;
  - mulai 1 Januari 2018, semua vesel Zon B, C dan C2 yang berpangkalan berhampiran PPLTB termasuk vesel yang mendapat kelulusan pangkalan tambahan di Kuching dikehendaki untuk mendaratkan ikan di PPLTB; dan
  - syarat-syarat ini akan dicap dalam buku lesen sebagai syarat lesen.
- Semakan Audit terhadap sampel sepuluh (10) buku lesen pemilik vesel mendapati syarat tambahan tersebut telah dicap dalam buku lesen mulai bulan Januari 2018. Selain itu, pada 17 Julai 2020, Jabatan Perikanan Laut Sarawak telah mengesahkan bahawa syarat lesen ini telah dicap dalam buku lesen bagi 158 vesel dari Daerah Kuching dan 34 vesel dari Daerah Santubong.
- Selain itu, Mesyuarat Isu Perikanan Laut Dalam di Tanjung Bako Bersama YB Timbalan Menteri, Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak pada 26 Januari 2018 telah memutuskan supaya semua pendaratan ikan hendaklah dibuat di PPLTB mulai 24 November 2017. Semakan Audit mendapati keputusan ini adalah selaras dengan Pekeliling Pelesenan Bil. 9/2017 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Bagaimanapun, semakan Audit di LKIM mendapati tiada aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan untuk memastikan syarat lesen dan keputusan mesyuarat dipatuhi.
- Berdasarkan maklumat dari LSS, terdapat 12 jeti pendaratan ikan komersial dan persendirian di sekitar Kuching, Sarawak bagi tempoh tahun 2015 hingga 2019. Daripada jumlah ini, sepuluh (10) jeti berada di dalam kawasan baraj dan baki dua (2) jeti di luar kawasan baraj. Pengoperasian jeti pendaratan ikan komersial dan persendirian ini boleh menyebabkan nelayan tidak mendaratkan ikan di PPLTB. Hal ini juga bertentangan dengan syarat lesen yang menetapkan mulai 1 Januari 2018, semua vesel Zon B, C dan C2 yang berpangkalan berhampiran PPLTB dikehendaki untuk mendaratkan ikan di PPLTB.

## **Maklum balas Jabatan Perikanan Laut Sarawak yang diterima pada 7 Julai 2020**

Jabatan Perikanan Laut Sarawak berpandangan bahawa syarat lesen mengikut Pekeliling Pelesenan Bil.9/2017 hanya merupakan syarat yang dikenakan secara umum. Pematuhan syarat ini masih bergantung kepada kemudahan asas di PPLTB yang diperlukan oleh nelayan. Program *engagement* dan penguatkuasaan secara berfasa melibatkan pelbagai agensi diperlukan supaya apabila penguatkuasaan dibuat tidak akan menimbulkan isu-isu lain berbangkit yang memberikan kesulitan dan kerugian di pihak nelayan. Jabatan Perikanan Laut Sarawak akan mengadakan mesyuarat bersama dengan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, LKIM, persatuan nelayan, LSS dan semua agensi lain yang berkaitan bagi membincangkan isu pendaratan dan penguatkuasaan vesel penangkapan ikan yang telah disyaratkan di PPLTB.

|                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Penyediaan justifikasi <i>Statement of Needs</i> bagi menentukan skop projek adalah kurang memuaskan. Pihak Audit juga berpendapat bahawa faktor kurang koordinasi dan susulan terhadap keputusan agensi Persekutuan dan Negeri, ketiadaan kilang air batu, jaringan jalan raya yang belum dibina dan kelemahan aktiviti penguatkuasaan telah menyumbang kepada kurangnya sambutan nelayan dalam menggunakan kemudahan di PPLTB.</b> |
|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## **5.2. Pengurusan Projek**

### **5.2.1. Prestasi Kewangan**

- a. Berdasarkan Perjanjian Konsesi, jumlah komitmen yang perlu ditanggung oleh Kerajaan/LKIM di sepanjang tempoh konsesi adalah berjumlah RM906.21 juta. Komitmen ini termasuk bayaran AC berjumlah RM645.60 juta, bayaran MC berjumlah RM197.47 juta dan caruman MRF berjumlah RM55.33 juta. Kerajaan juga membuat bayaran balik *PFI related cost* berjumlah RM6.19 juta, kos perolehan tanah berjumlah RM1.34 juta dan kos perkhidmatan perunding berjumlah RM0.28 juta yang telah dibayar terlebih dahulu oleh syarikat konsesi. Selain itu, berdasarkan Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari 2013, kos pengurusan PPLTB yang diperuntukkan kepada LKIM sepanjang tempoh konsesi adalah berjumlah RM63.61 juta. Ringkasan komitmen kewangan bagi projek PPLTB adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**RINGKASAN KOMITMEN KEWANGAN PPLTB SEPANJANG TEMPOH KONSESI**  
**(22 JULAI 2014 HINGGA 21 JULAI 2044)**

| BIL.                                               | JENIS BAYARAN                                                                                   | KLAUSA PERJANJIAN KONSESI | JUMLAH (RM Juta) |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|------------------|
| 1.                                                 | <i>Availability Charges</i> (AC)                                                                | 5.2.1                     | 645.60           |
| 2.                                                 | <i>Maintenance Charges</i> (MC)                                                                 | 5.3.1                     | 197.47           |
| 3.                                                 | <i>Maintenance Reserve Fund</i> (MRF)                                                           | 5.3.1                     | 55.33            |
| 4.                                                 | <i>PFI Related Cost</i> (2.5% daripada kos pembinaan)                                           | 52.2 (a)                  | 6.19             |
| 5.                                                 | Perolehan Tanah daripada Kerajaan Negeri Sarawak                                                | 52.2 (b)                  | 1.34             |
| 6.                                                 | Perkhidmatan Perunding                                                                          | 52.2 (c)                  | 0.28             |
| <b>JUMLAH KOMITMEN MENGIKUT PERJANJIAN KONSESI</b> |                                                                                                 |                           | <b>906.21</b>    |
| 7.                                                 | Kos Pengurusan Pelabuhan (berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari 2013) | -                         | 63.61            |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN KOMITMEN KERAJAAN</b>        |                                                                                                 |                           | <b>969.82</b>    |

Sumber: Perjanjian Konsesi dan Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri Pada 27 Februari 2013

- b. Semakan Audit mendapati jumlah peruntukan pembangunan yang telah diterima LKIM daripada MoA bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah berjumlah RM110.37 juta. Selain itu, LKIM juga menerima peruntukan mengurus dari tahun 2018 dan 2019 berjumlah RM22.41 juta yang menjadikan jumlah peruntukan yang telah diterima oleh LKIM adalah berjumlah RM132.78 juta. Sehingga bulan Disember 2019, perbelanjaan yang telah dibuat oleh LKIM adalah berjumlah RM120.09 juta iaitu 90.4% daripada jumlah peruntukan yang diterima. Butiran lengkap adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

| TAHUN         | PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta) |              |               | PERBELANJAAN (RM Juta) |              |               | PERBELANJAAN KESELURUHAN (%) |
|---------------|-------------------------------|--------------|---------------|------------------------|--------------|---------------|------------------------------|
|               | PEMBANGUNAN                   | MENGURUS     | JUMLAH        | PEMBANGUNAN            | MENGURUS     | JUMLAH        |                              |
| 2017          | 22.19                         | -            | <b>22.19</b>  | 12.37                  | -            | <b>12.37</b>  | <b>55.7</b>                  |
| 2018          | 47.05                         | 7.35         | <b>54.40</b>  | 49.02                  | 7.40         | <b>56.42</b>  | <b>103.7</b>                 |
| 2019          | 41.13                         | 15.06        | <b>56.19</b>  | 44.02                  | 7.28         | <b>51.30</b>  | <b>91.3</b>                  |
| <b>JUMLAH</b> | <b>110.37</b>                 | <b>22.41</b> | <b>132.78</b> | <b>105.41</b>          | <b>14.68</b> | <b>120.09</b> | <b>90.4</b>                  |

Sumber: Maklumat Peruntukan dan Baucar Bayaran Bagi Projek PPLTB

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 29 Mei 2020**

Bagi tahun 2018, perbelanjaan adalah daripada kelulusan penggunaan peruntukan *open budget* dari tahun 2017.

### 5.2.2. Perancangan Projek

Semakan Audit mendapati perancangan projek pembangunan PPLTB telah bermula seawal tahun 1989. Maklumat mengenai perancangan awal projek sehingga Surat Niat dikeluarkan kepada syarikat yang berjaya adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**KRONOLOGI PERANCANGAN PROJEK**

| TARIKH        | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1989          | Kerajaan Negeri Sarawak meminta LKIM mencari tapak baharu untuk memindahkan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa                                                                                                                                                                                 |
| 15.05.2008    | <i>Statement of Needs</i> dikemukakan oleh LKIM kepada YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani                                                                                                                                                                                          |
| 05.04.2010    | Surat Cadangan Pembinaan Pelabuhan Pendaratan Ikan LKIM di bawah Pembiayaan PFI oleh LKIM kepada UKAS                                                                                                                                                                                       |
| 26.06.2009    | Jawatankuasa Pertapakan Negeri Sarawak telah meluluskan sebidang tanah di Kampung Sambir (Asajaya) Samarahan, Sarawak seluas 38 ekar                                                                                                                                                        |
| 18.01.2010    | Surat sebuah parti politik di Negeri Sarawak kepada YAB Perdana Menteri ketika itu untuk memberi peluang kepada lima (5) syarikat untuk menyertai tender terhad Projek Pelabuhan Perikanan Kuching                                                                                          |
| 27.01.2010    | Minit YAB Perdana Menteri menyokong permohonan sebuah parti politik di Negeri Sarawak                                                                                                                                                                                                       |
| 12.08.2010    | MoA maklumkan hasil kajian terperinci mengenai lokasi di Kampung Sambir (Asajaya) mendapati laluan sungai di kawasan berkenaan adalah cetek dan bot C dan C2 tidak dapat memasuki kawasan tersebut ketika air surut ( <i>low tides</i> )                                                    |
| 14.12.2010    | MoA kemukakan rayuan untuk mendapatkan lokasi baharu projek memandangkan lokasi yang dicadangkan sebelum ini di Kampung Sambir (Asajaya) Samarahan tidak sesuai dijadikan kompleks perikanan                                                                                                |
| 12.01.2011    | Syarikat konsesi kemukakan cadangan kepada Ketua Pengarah LKIM mengenai tapak baharu di sebelah Tanjong Bako, Kuching bersama susun atur bagi projek tersebut                                                                                                                               |
| 14.02.2011    | Majlis Perancangan Negeri Sarawak meluluskan permohonan tanah di Tanjong Bako                                                                                                                                                                                                               |
| 15.02.2011    | Surat syarikat konsesi kepada UKAS memaklumkan bahawa permohonan tanah di Tanjong Bako, Kuching telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri Sarawak. Syarikat berharap agar pihak UKAS dapat memberi kelulusan untuk cadangan projek ini dilaksanakan secara kaedah PFI kepada syarikat |
| 26.03.2011    | Mesyuarat JKAS memutuskan pelaksanaan pembangunan Kompleks Perikanan LKIM Kuching dilaksanakan secara tender terhad kepada lima (5) syarikat yang telah dikenal pasti (seperti surat dari sebuah parti politik di Negeri Sarawak)                                                           |
| 16.06.2011    | UKAS melantik perunding untuk melaksanakan kajian impak alam sekitar                                                                                                                                                                                                                        |
| 19.08.2011    | Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi/RFP di UKAS                                                                                                                                                                                                                                              |
| 25.08.2011    | Surat Pelawaan RFP oleh UKAS kepada lima (5) syarikat seperti yang dicadangkan oleh sebuah parti politik di Negeri Sarawak                                                                                                                                                                  |
| 29.11.2011    | Tawaran RFP ditutup                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 29.11.2011    | Pelantikan Jawatankuasa Pembuka Tender dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan                                                                                                                                                                                                                  |
| Februari 2012 | Laporan Penilaian Teknikal dan Kewangan (Laporan tidak ditandatangani)                                                                                                                                                                                                                      |
| 23.02.2012    | Pembentangan Laporan Jawatankuasa Penilaian Komersial dan Teknikal RFP di Mesyuarat JKAS Bilangan 11/2012                                                                                                                                                                                   |
| 07.03.2012    | Jemaah Menteri bersetuju untuk memberi kelulusan prinsip kepada syarikat konsesi                                                                                                                                                                                                            |
| 29.03.2012    | Surat Niat dikeluarkan oleh UKAS kepada syarikat konsesi                                                                                                                                                                                                                                    |

Sumber: Jabatan Audit Negara

## a. Kajian Kemungkinan

- i. Perenggan 3.1 Garis Panduan PPP menetapkan cadangan projek PPP haruslah dikemukakan terus kepada kementerian/agensi yang berkaitan. Antara maklumat yang diperlukan untuk cadangan projek PPP ialah kajian kemungkinan ekonomi, kewangan dan kejuruteraan termasuk *socio-economic cost benefit analysis*. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1992 pula menetapkan supaya kajian kemungkinan hendaklah dilaksanakan untuk mempertimbangkan sama ada satu-satu projek itu berdaya maju. Analisis yang boleh dibuat ialah analisis pasaran/permintaan, penilaian terhadap alam sekitar, analisis teknikal, analisis kewangan, analisis ekonomi dan analisis sosial/politik.
- ii. Semakan Audit mendapati **tiada kajian kemungkinan dilaksanakan oleh LKIM terutama bagi aspek analisis pasaran/permintaan, analisis kewangan, analisis ekonomi dan analisis sosial/politik sebelum projek ini diluluskan**. Tanpa kajian kemungkinan, pihak Audit **tidak dapat menentukan sama ada skop, reka bentuk dan saiz PPLTB telah dirancang dengan teliti dan mengambil kira keperluan pengguna**.
- iii. Sehubungan itu, lawatan Audit telah dibuat untuk menentukan sama ada semua kemudahan yang dibina di PPLTB telah digunakan secara optimum. Lawatan Audit pada 30 September hingga 4 Oktober 2019 mendapati ruang kualiti EU, pasar nelayan dan kotak ikan tidak digunakan. Selain itu, ruang di *dealers' office* dan *net loft* juga tidak digunakan sepenuhnya. Secara keseluruhan, keluasan ruang ini adalah berjumlah 57,135 kaki persegi. Maklumat lanjut seperti dalam **Gambar 4** hingga **8**.

**GAMBAR 4**



Ruang *Net Loft*, PPLTB  
- *Net Loft* yang Tidak Digunakan  
(03.10.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5**



Pasar Nelayan, PPLTB  
- Pasar Nelayan yang Tidak Digunakan  
(03.10.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**

Ruang Kualiti EU, PPLTB  
- Ruang Kualiti EU yang Tidak Digunakan  
(03.10.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**

Kotak Ikan, PPLTB  
- Kotak Ikan yang Tidak Digunakan  
(03.10.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**

Kotak Ikan, PPLTB  
- Kotak Ikan yang Digunakan Sebagai Ruang  
Penyimpanan Aset Untuk Pelupusan  
(03.10.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Perkara ini menyebabkan pembaziran dan berlaku kerugian kepada Kerajaan kerana bayaran AC dibuat sepenuhnya dan tidak dipengaruhi oleh tahap penggunaan kemudahan tersebut. Mengikut pengiraan Audit, jumlah bayaran AC bagi ruang yang tidak digunakan ialah RM450,794 sebulan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh 22 Julai 2017 sehingga 31 Disember 2019, LKIM telah membuat bayaran penuh AC berjumlah RM96.81 juta. Jumlah ini adalah termasuk bayaran bagi ruang tidak digunakan berjumlah RM13.22 juta (13.7%).

**JADUAL 11**  
**BAYARAN AC SEBULAN BAGI RUANG YANG TIDAK DIGUNAKAN**

| BIL.                                                                    | LOKASI                 | LUAS<br>(KAKI PERSEGI) |
|-------------------------------------------------------------------------|------------------------|------------------------|
| 1.                                                                      | Ruang EU               | 13,562.53              |
| 2.                                                                      | Pasar Nelayan          | 3,831.95               |
| 3.                                                                      | <i>Dealers' Office</i> | 5,812.51               |
| 4.                                                                      | Kotak Ikan             | 31,516.73              |
| 5.                                                                      | <i>Net Loft</i>        | 2,411.14               |
| JUMLAH                                                                  |                        | 57,134.86              |
| KADAR AC SATU KAKI PERSEGI SEBULAN MENGIKUT PERJANJIAN KONSESI          |                        | RM7.89                 |
| JUMLAH PEMBAYARAN AC SEBULAN BAGI RUANG/<br>KEMUDAHAN YANG TIDAK DIGUNA |                        | RM450,794              |

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **Maklum balas UKAS yang diterima pada 3 Mac dan 28 Mei 2020**

Kajian berkaitan analisis pasaran/permintaan/teknikal/kewangan/ekonomi/sosial/politik sewajarnya dilaksanakan oleh kementerian/jabatan pengguna (*project owner*) sebagai sebahagian daripada aspek perancangan projek. Bagi projek PPLTB, disebabkan faktor masa dan projek PFI pertama LKIM, UKAS telah mengambil inisiatif untuk membantu dalam melaksanakan kajian alam sekitar dan kesesuaian tapak.

**Pendapat Audit** | **Kajian awal yang komprehensif untuk justifikasi projek, analisis pasaran dan permintaan adalah sangat penting supaya unjuran yang munasabah disediakan dan projek dibangunkan mengikut keperluan. Ini untuk mengelakkan skop projek melebihi keperluan yang mengakibatkan komitmen kewangan yang tinggi kepada Kerajaan.**

### **b. Penilaian Cadangan Projek PPP/PFI**

- i. Perenggan 2.2 Garis Panduan PPP menyatakan pemacu utama projek PPP ialah *value for money* yang ditakrif sebagai gabungan optimum kos sepanjang hayat aset dan kualiti bersesuaian dengan kehendak pengguna.
- ii. Sebagai asas perbandingan pihak Audit merujuk Value for Money Assessment Guidance oleh HM Treasury, United Kingdom yang dikeluarkan pada bulan November 2006. Mengikut panduan tersebut, penilaian *value for money* untuk projek PPP/PFI boleh dilaksanakan di tiga (3) peringkat iaitu di peringkat penilaian program, projek dan perolehan. Proses penilaian di ketiga-tiga peringkat menggabungkan penilaian kuantitatif (penggunaan *standardised spreadsheet-based model*) dan kualitatif (penggunaan set soalan yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan berkaitan daya maju, kebaikan dan kebolehan projek). Selain itu, pihak Audit juga ada membuat semakan terhadap The Public Sector Comparator and Quantitative Assessment, A Guide for Public Sector Entities, The Treasury New Zealand Government yang dikeluarkan pada bulan September 2015. Panduan ini menyatakan bahawa *Public Sector Comparator* (PSC) boleh digunakan sebagai asas penilaian kuantitatif untuk menilai *value for money* bagi pelaksanaan projek secara PPP/PFI berbanding dengan pelaksanaan secara konvensional.
- iii. Pihak UKAS tidak mengemukakan garis panduan atau kriteria terperinci mengenai bagaimana proses penilaian *value for money* dilaksanakan terhadap satu-satu projek untuk semakan Audit. Pihak Audit telah menyemak tiga (3) minit mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) yang diadakan bagi

tempoh 23 April 2012 hingga 21 November 2018 dan lima (5) minit mesyuarat JKAS yang diadakan bagi tempoh 26 Mac 2011 hingga 3 Jun 2015. Semakan Audit mendapati antara perkara yang dibincangkan ialah berkaitan lokasi berserta status tanah dan skop projek. Bagaimanapun, berdasarkan minit/catatan mesyuarat dan dokumen yang dikemukakan, tiada bukti menunjukkan penilaian *value for money* ada dilaksanakan.

- iv. Semakan Audit selanjutnya terhadap Memorandum daripada Perdana Menteri juga mendapati justifikasi melaksanakan PPLTB secara PPP/PFI tidak dinyatakan. Pihak UKAS juga tidak mengemukakan apa-apa bukti menunjukkan bahawa analisis kuantitatif dan kualitatif telah dibuat untuk menjustifikasikan projek lebih sesuai dilaksanakan secara PFI daripada kaedah konvensional.

**Pendapat Audit** | **Tanpa penilaian yang menyeluruh maka justifikasi projek dari segi skop, kos, *viability* dan *sustainability* projek tidak dapat ditentukan.**

### **c. Pelantikan Syarikat Konsesi**

- i. Perenggan 4.0 Garis Panduan PPP menetapkan supaya cadangan projek perlu mendapat kelulusan prinsip daripada Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum proses pelantikan syarikat konsesi atau RFP dimulakan. Kemudian, syarikat yang layak akan disyorkan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Setelah keputusan diperoleh, terma dan syarat perjanjian akan dirunding dengan syarikat yang diluluskan dan dibawa ke Jemaah Menteri untuk kelulusan.
- ii. Semakan Audit mendapati pihak UKAS telah melaksanakan RFP pada 25 Ogos 2011 iaitu enam (6) bulan sebelum kelulusan prinsip diperoleh daripada Jemaah Menteri. Semakan Audit selanjutnya di UKAS mendapati **pelantikan syarikat konsesi telah dilaksanakan secara RFP tender terhad.** Pada 18 Januari 2010, sebuah parti politik di Negeri Sarawak telah mendapatkan sokongan YAB Perdana Menteri ketika itu untuk memberi peluang kepada lima (5) syarikat bagi menyertai tender terhad tersebut. Semakan Audit terhadap **surat pelawaan RFP oleh UKAS pada 25 Ogos 2011 mendapati lima (5) syarikat yang dipelawa adalah seperti yang dicadangkan** oleh sebuah parti politik di Negeri Sarawak. Tawaran RFP telah ditutup pada 29 November 2011, iaitu sebelum kelulusan prinsip diperoleh.

- iii. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada proses penilaian RFP (penilaian teknikal dan kewangan) telah dilaksanakan dengan berkesan dan berhemat. Perkara ini kerana **dokumen tawaran RFP daripada lima (5) syarikat tersebut tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Laporan Penilaian Teknikal dan Kewangan yang dikemukakan juga tidak ditandatangani oleh ahli jawatankuasa.** Maklumat lengkap mengenai kronologi projek PPLTB berbanding proses kerja yang ditetapkan dalam Perenggan 4.0 Garis Panduan PPP adalah seperti dalam **Rajah 2.**


### **Maklum balas UKAS yang diterima pada 3 Mac 2020**

Syor untuk kelulusan prinsip dan syarikat pembida berjaya yang dipilih melalui proses RFP tender terhad telah dilaksanakan secara bersekali bagi mempercepat pelaksanaan projek ini.

Walaupun laporan penilaian RFP tidak bertandatangan, hasil penilaian Jawatankuasa Teknikal dan Komersial dalam pemilihan pembida berjaya telah dimaklumkan dalam Memorandum daripada Perdana Menteri yang dibentangkan dan diluluskan semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Mac 2012. Hasil yang dikemukakan tersebut adalah sama dengan laporan penilaian RFP (teknikal dan komersial tanpa tandatangan) yang dikemukakan oleh UKAS.

**Pendapat Audit** | **Kegagalan mematuhi prosedur pelantikan syarikat konsesi yang telah ditetapkan memberi kesan kepada penilaian *value for money* projek. Laporan Penilaian RFP yang tidak bertandatangan juga adalah bertentangan dengan Perenggan 39.4, Garis Panduan Pelawaan Cadangan RFP di bawah Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM. Kelemahan ini juga menggambarkan tadbir urus projek yang lemah dan tidak cekap.**

**RAJAH 2**  
**PERBANDINGAN PROSES KERJA PROJEK PPP MENGIKUT**  
**GARIS PANDUAN PPP DENGAN KRONOLOGI PROJEK PPLTB**



Sumber: Garis Panduan PPP dan Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) - Tender Terhad di Kalangan Lima (5) Syarikat yang Dicadangkan oleh Sebuah Parti Politik di Negeri Sarawak

**d. Makmal Pengurusan Nilai [ *Value Management* (VM) ]**

- i. Pekeliling UPE, JPM Bilangan 3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009 menetapkan supaya semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas perlu melalui proses Makmal VM. Pelaksanaan Makmal VM bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen serta kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan.

- ii. Semakan Audit mendapati surat panggilan Mesyuarat Pra-Pengurusan Nilai Pembangunan Kompleks Perikanan LKIM Kuching dan Sandakan secara PFI telah dikeluarkan oleh UKAS pada 25 Mei 2012. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Mesyuarat Pra-Pengurusan Nilai dan Makmal VM telah dilaksanakan kerana tiada minit mesyuarat atau laporan berkaitan dikemukakan kepada pihak Audit. Menurut pihak MoA melalui surat bertarikh 10 Mac 2020, tiada maklumat atau rekod di MoA mengenai pelaksanaan Makmal VM yang dijalankan oleh pihak UKAS bersama Seksyen Pengurusan Nilai UPE, MoA dan LKIM.**

#### **Maklum balas UKAS yang diterima pada 14 Mei 2020**

Minit mesyuarat Pra-Pengurusan Nilai tiada dalam simpanan UKAS.

|                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Kegagalan melaksanakan Makmal VM telah menjejaskan penentuan skop dan kos PPLTB. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada projek ini telah dinilai dan dikaji dengan teliti bagi memenuhi keperluan <i>stakeholders</i> dan pengguna serta justifikasi projek dari segi <i>value for money</i> telah diberi perhatian.</b> |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

### **5.2.3. Penetapan Caj/Bayaran PFI**

#### **a. Penetapan *Availability Charges***

- i. Perenggan 2, *Appendix F* Perjanjian Konsesi menetapkan parameter kewangan yang diambil kira untuk pengiraan AC ialah kos pembinaan; kadar faedah pada 7.5% setahun sepanjang tempoh pembiayaan 15 tahun; faedah sepanjang tempoh pembinaan akan dipermodalkan; kadar *Equity Internal Rate of Return* (EIRR) pada 13.3%; dan nisbah hutang kepada ekuiti (*debt to equity*) ialah 85:15.
- ii. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati UKAS tidak mempunyai garis panduan mengenai parameter kewangan yang sepatutnya diambil kira dalam penetapan AC. Perkara ini boleh menyebabkan penetapan AC dimanipulasi dan akhirnya merugikan Kerajaan. Ini adalah kerana kadar maksimum/minimum bagi setiap parameter kewangan yang digunakan semasa rundingan bersama syarikat konsesi seperti faedah pinjaman, EIRR dan *debt to equity* tidak ditetapkan. Perkara ini dibuktikan melalui surat Kementerian Kewangan (MoF) kepada UKAS bertarikh 21 Februari 2014 yang menyatakan analisis MoF ke

atas *financial model* projek BLMT mendapati syarikat konsesi ketika ini memperoleh keuntungan berlebihan. **Purata EIRR adalah antara 15% hingga 20% berbanding EIRR projek penswastaan lain antara 8% hingga 9.9%.**

**b. Perubahan Kadar *Availability Charges***

- i. Perenggan 3.1, *Appendix F* Perjanjian Konsesi menyatakan **pengiraan AC akan dibuat semula pada kadar faedah sebenar jika kadar faedah yang ditawarkan oleh bank adalah lebih rendah daripada kadar dalam Perjanjian Konsesi.** Perenggan 3.2, *Appendix F* Perjanjian Konsesi menyatakan jika berlaku perubahan kadar faedah, jumlah AC yang baharu akan dibayar oleh LKIM kepada syarikat konsesi.
- ii. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat JKAS Bilangan 41 Tahun 2013 pada 12 November 2013 **mendapati kadar faedah pinjaman yang ditawarkan oleh bank adalah lebih rendah daripada yang dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi.** Semasa pengiraan awal, kadar faedah yang digunakan ialah 7.5%. Bagaimanapun pada 29 Julai 2013, bank telah menawarkan tiga (3) kadar faedah yang lebih rendah iaitu antara 6.05% hingga 6.55%. Perbandingan kadar faedah dalam Perjanjian Konsesi dan sebenar adalah seperti dalam **Jadual 12.**

**JADUAL 12**  
**KADAR FAEDAH DALAM PERJANJIAN KONSESI BERBANDING SEBENAR**

| TAHUN   | KADAR FAEDAH DALAM PERJANJIAN KONSESI | KADAR FAEDAH SEBENAR |
|---------|---------------------------------------|----------------------|
| 1 – 5   | 7.5%                                  | 6.55%                |
| 6 – 10  | 7.5%                                  | 6.30%                |
| 11 – 15 | 7.5%                                  | 6.05%                |

Sumber: Surat Tawaran Bank dan Perjanjian Konsesi

- iii. Kadar faedah pinjaman sebenar ini telah mengurangkan sejumlah RM40.96 juta bayaran AC yang perlu dibiayai oleh Kerajaan di sepanjang tempoh 27 tahun. **Jumlah AC yang baharu ialah RM604.64 juta berbanding yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi berjumlah RM645.60 juta.** Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13.**

**JADUAL 13**  
**KADAR AC ASAL DAN BAHARU**

| <i>AVAILABILITY CHARGES</i><br>(AC)                                                               | KADAR ASAL<br>(RM) | KADAR BAHARU<br>(RM) | PERBEZAAN<br>(RM) |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|----------------------|-------------------|
| <b>Kadar Bayaran Bulanan Per Kaki Persegi</b>                                                     |                    |                      |                   |
| Tahun 1 – 12                                                                                      | 7.89               | 7.71                 | 0.18              |
| Tahun 13 – 27                                                                                     | 2.44               | 2.03                 | 0.41              |
| <b>Kadar Bayaran Bulanan Berdasarkan Jumlah Keluasan Keseluruhan (GFA = 409,559 kaki persegi)</b> |                    |                      |                   |
| Tahun 1 – 12                                                                                      | 3,233,000          | 3,157,250            | 75,750            |
| Tahun 13 – 27                                                                                     | 1,000,000          | 833,333              | 166,667           |
| <b>Kadar Bayaran Tahunan</b>                                                                      |                    |                      |                   |
| Tahun 1 – 12                                                                                      | 38,800,000         | 37,887,000           | 913,000           |
| Tahun 13 – 27                                                                                     | 12,000,000         | 10,000,000           | 2,000,000         |
| <b>JUMLAH AC DI SEPANJANG<br/>TEMPOH KONSESI</b>                                                  | <b>645,600,000</b> | <b>604,644,000</b>   | <b>40,956,000</b> |

Sumber: Surat MoA Kepada Syarikat Konsesi Bertarikh 22 November 2013

- iv. Lanjutan daripada keputusan Mesyuarat JKAS Bilangan 41 Tahun 2013, MoA telah mengeluarkan surat kepada syarikat konsesi pada 22 November 2013 memaklumkan kadar AC yang baharu. Surat tersebut juga telah disalinkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, UKAS dan LKIM. Bagaimanapun, sehingga kini **tiada Perjanjian Tambahan ditandatangani bagi perubahan kadar AC tersebut.**
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2019, LKIM telah membuat bayaran AC berjumlah RM96.81 juta termasuk *Government Service Tax* (GST). Bagaimanapun, bayaran AC tersebut telah dibuat berdasarkan kadar AC asal dan bukannya kadar baharu seperti surat MoA kepada syarikat konsesi bertarikh 22 November 2013. **Perkara ini telah menyebabkan LKIM terlebih bayar AC berjumlah RM2.28 juta.**

### **Maklum balas UKAS yang diterima pada 3 Mac 2020**

Isu berkaitan bayaran AC ini telah dibincangkan semasa mesyuarat Project Monitoring Committee LKIM pada 20 Disember 2019. Mesyuarat telah memutuskan supaya bayaran AC dibayar mengikut kadar yang telah dimuktamadkan seperti dalam Perjanjian Konsesi terlebih dahulu sehingga Perjanjian Tambahan dan kadar baharu dimuktamadkan dalam Mesyuarat JKAS. UKAS sedang dalam tindakan untuk memuktamadkan Perjanjian Tambahan. Pihak syarikat juga telah bersetuju dan akan membayar balik lebihan bayaran kepada Kerajaan.

**Pendapat Audit** | **Kelewatan UKAS dalam menyediakan Perjanjian Tambahan telah menyebabkan sejumlah RM2.28 juta bayaran AC terlebih bayar.**

**c. Penetapan *Maintenance Charges***

- i. Berdasarkan *Appendix G* Perjanjian Konsesi, caj bulanan MC dikira dengan formula  $[MC = R \times \text{jumlah kaki persegi}]$ . Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati kadar R yang ditetapkan adalah berbeza pada setiap tiga (3) tahun iaitu antara RM0.97 hingga RM2.13 per kaki persegi sebulan. Kadar R ini juga tertakluk kepada kajian semula yang boleh dibuat pada setiap tiga (3) tahun seperti kehendak Perjanjian Konsesi.
- ii. **Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti asas yang digunakan dalam penetapan kadar R tersebut. Hal ini disebabkan kertas kerja berkaitan pengiraan jumlah MC tidak dikemukakan kepada pihak Audit.** UKAS dalam maklum balasnya menyatakan bahawa pengiraan R adalah berasaskan prinsip kekerapan untuk servis pembaikan dan pengendalian kemudahan. Secara amnya, kadar R akan meningkat setiap tahun memandangkan penyenggaraan aset yang semakin berusia. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklum balas ini kerana ketiadaan dokumen yang menunjukkan jumlah kekerapan aset perlu disenggara dan kaitannya dengan penetapan kadar R.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati **pengiraan MC dalam Perjanjian Konsesi adalah tidak tepat.** Berdasarkan pengiraan Audit dengan menggunakan kadar R yang dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi, jumlah keseluruhan MC di sepanjang tempoh konsesi adalah RM197.28 juta. Jumlah ini berbeza dengan yang dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi iaitu RM197.47 juta. Jumlah perbezaan adalah sejumlah RM0.19 juta.

**Maklum balas UKAS yang diterima pada 10 Jun 2020**

Berdasarkan semakan, didapati perbezaan dalam pengiraan bayaran MC adalah disebabkan oleh *rounding up effect* pada kadar R dalam Perjanjian Konsesi.

**Maklum balas LKIM yang diterima pada 15 Julai 2020**

Mesyuarat Penyelarasan Antara Agensi Projek Pembangunan PPLTB pada 19 Jun 2020 di UKAS telah bersetuju supaya kadar R diselaraskan mengikut kadar R dalam Perjanjian Konsesi yang telah dipersetujui Jemaah Menteri pada tahun 2013

(menggunakan pembundaran dua (2) titik perpuluhan sahaja). Pengiraan semula bayaran MC mengikut formula dan pindaan jadual pembayaran yang baharu akan dibuat melalui Perjanjian Tambahan.

**Pendapat Audit** | **Kelemahan dalam penyediaan Perjanjian Konsesi telah menyebabkan kadar R yang dinyatakan tidak menunjukkan jumlah bayaran MC yang sepatutnya.**

#### **d. Penetapan *Maintenance Reserve Fund***

- i. Berdasarkan Klausula 17.2.5, Perjanjian Konsesi, caruman MRF akan digunakan untuk membiayai kos penggantian dan penyenggaraan aset seperti yang telah ditetapkan dalam *Asset Management Service Manual*. Semakan Audit terhadap *Appendix G* Perjanjian Konsesi mendapati kadar MRF per kaki persegi atau kadar R adalah berbeza mengikut tahun iaitu antara RM0.06 hingga RM2.44. Kadar MRF bagi tahun ke-15 adalah yang paling tinggi iaitu RM2.44 per kaki persegi sebulan. Jumlah bayaran MRF sepanjang tempoh konsesi adalah berjumlah RM55.33 juta.
- ii. Namun begitu, pihak Audit tidak dapat menentukan **faktor asas yang digunakan dalam penetapan kadar MRF per kaki persegi kerana dokumen/kertas kerja berkaitan tidak dikemukakan** untuk semakan Audit. UKAS dalam maklum balasnya menjelaskan bahawa faktor asas pengiraan kadar R adalah berdasarkan keperluan penggantian aset mengikut jadual *life cycle costing* di *Appendix E* Perjanjian Konsesi. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **pada tahun ke-11, tiada aset yang perlu diganti, namun kadar MRF telah ditetapkan pada kadar RM0.82 per kaki persegi sebulan.**

#### **Maklum balas UKAS yang diterima pada 14 Mei 2020**

Kertas kerja bagi pengiraan R tiada dalam rekod UKAS dan tiada asas kiraan kadar R dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi.

**Pendapat Audit** | **Tanpa kertas kerja yang terperinci adalah sukar untuk menentukan penetapan caj AC, MC dan MRF telah dilaksanakan secara berekonomi dan menjamin harga terbaik untuk Kerajaan. Kelemahan ini juga boleh menyebabkan kos berkenaan dimanipulasi oleh syarikat konsesi dan tidak menggambarkan tadbir urus pengurusan projek yang baik.**

#### 5.2.4. Pengurusan Pembinaan

##### a. Lukisan *As-Built* Tidak Sama Dengan Pemasangan di Tapak

Semakan Audit terhadap Lukisan *As-Built* di PPLTB dan lawatan fizikal pada 6 dan 7 Ogos 2019 mendapati kelemahan seperti berikut:

##### i. Pemasangan *High Density Polyethylene (HDPE) Pipe Sleeve*


- Lawatan fizikal Audit di *sub switchboard* (SSB) tangki air utama mendapati HDPE *pipe sleeve* bagi kabel bawah tanah dipasang merentasi longkang.
- Semak silang dengan Lukisan *As-Built* pula mendapati ia tidak sama seperti pemasangan di tapak. Butiran lengkap adalah seperti dalam **Gambar 9** hingga **11**.

**GAMBAR 9**



SSB di Tangki Air Utama, PPLTB  
- HDPE *Pipe Sleeve* Dipasang Merentasi Longkang  
dan Tidak Sama Seperti *As-Built*  
(06.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**



SSB di Tangki Air Utama, PPLTB  
- Lukisan *As-Built* Menunjukkan HDPE *Pipe Sleeve*  
Dipasang di Bawah Longkang  
(06.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)




**GAMBAR 11**

SSB di Tangki Air Utama, PPLTB  
- HDPE *Pipe Sleeve* Dipasang pada 440mm  
Dari Dasar Permukaan Longkang  
(06.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


##### ii. Pemasangan *Perimeter Earth Tape*

Lawatan fizikal Audit di kawasan bangunan pentadbiran mendapati *perimeter earth tape* yang dipasang pada dinding bagi *Lightning Protection System* menggunakan bahan aluminium. Pemasangan ini didapati tidak selaras dengan Lukisan *As-Built* yang menyatakan *perimeter earth tape* ialah daripada bahan kuprum. Butiran lengkap adalah seperti dalam **Gambar 12** hingga **14**.

**GAMBAR 12**



**GAMBAR 13**



Blok Pentadbiran, PPLTB

- Lukisan *As-Built* Menunjukkan *Perimeter Earth Tape* Menggunakan Bahan Kuprum  
(06.08.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)



**GAMBAR 14**

Blok Pentadbiran, PPLTB

- *Perimeter Earth Tape* Dipasang pada Dinding Adalah Bahan Aluminium dan Tidak Sama Seperti pada Lukisan *As-Built* yang Menggunakan Bahan Kuprum  
(06.08.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### iii. *Acoustic Wall*

Lawatan fizikal Audit di Dewan Serbaguna mendapati *acoustic wall* tidak dipasang di tapak sepertimana Lampiran B di Lukisan Konsep: *Acoustic Wall to Manufacturer's Detail & Specification*. Ketiadaan *acoustic wall* telah menyebabkan keadaan gema ketika sistem pembesar suara digunakan. Butiran lengkap adalah seperti dalam **Gambar 15** dan **16**.

**GAMBAR 15**



**GAMBAR 16**



Dewan Serbaguna, PPLTB

- Tiada Elemen *Acoustic Wall* Dijumpai di Tapak Walaupun Lukisan Konsep Menunjukkan '*Acoustic Wall to Manufacturer's Detail & Specification*'  
(07.08.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## Maklum balas LKIM yang diterima pada 29 Mei 2020

LKIM mengambil maklum akan penemuan Audit dan pada 20 Mei 2020 LKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemeriksaan Fizikal bagi meneliti dan membuat pemeriksaan semula atas teguran ini.

## b. Kualiti Pembinaan

Semakan Audit terhadap aspek kualiti pembinaan di PPLTB telah dibuat dengan merujuk kepada Lukisan Pembinaan, Lukisan *As-Built* dan perbandingan dengan keadaan fizikal projek. Lawatan fizikal Audit pada 7 Ogos 2019 mendapati keadaan *paver* tidak seragam dan rosak di sepanjang *walkway* dari jalan masuk PPLTB. Semasa lawatan Audit, didapati pasir keluar melalui *weepholes* ke longkang dan longkang dipenuhi pasir. Keadaannya adalah seperti dalam **Gambar 17** dan **18**.

**GAMBAR 17**



Sepanjang *Walkway* Dari Jalan Masuk PPLTB  
- Keadaan *Paver* yang Tidak Seragam dan Rosak  
(07.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 18**



Sepanjang *Walkway* Dari Jalan Masuk PPLTB  
- Pasir Keluar Melalui *Weepholes* ke Longkang  
dan Longkang Dipenuhi Pasir  
(07.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum balas LKIM yang diterima pada 13 Mei 2020

Kerosakan *interlock pathway* berlaku disebabkan oleh pemendapan tanah. Isu ini telah dibincangkan bersama syarikat konsesi. Kerosakan seperti dalam Gambar 17 telah dibaiki oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, kerosakan yang sama telah berlaku pada 7 Januari 2020 dan WO telah dibuka oleh Unit Pengurusan Fasilitas PPLTB.

**Pendapat Audit** | Kelemahan dalam pengurusan pembinaan telah menyebabkan bangunan dan kemudahan di PPLTB tidak dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, lukisan *As-Built* juga tidak menggambarkan pemasangan di tapak.

#### 5.2.5. Pengurusan Penyenggaraan oleh Syarikat Konsesi

Klausa 16, Perjanjian Konsesi menetapkan syarikat konsesi bertanggungjawab untuk menguruskan penggantian aset di bawah *Asset Management Programme* selaras dengan *Asset Management Services Manual* di sepanjang Tempoh Perkhidmatan Pengurusan Aset. Syarikat konsesi juga perlu menjalankan perkhidmatan penyenggaraan kemudahan dan infrastruktur seperti yang ditetapkan dalam *Asset Management Services Manual*. Semakan Audit terhadap pengurusan penyenggaraan dan pematuan kepada *Asset Management Services Manual* mendapati perkara seperti berikut:

## a. Sumber Manusia, Pengurusan Kualiti dan Polisi

- i. *Appendix E, Asset Management Services Manual*, Perjanjian Konsesi menggariskan tanggungjawab umum syarikat konsesi dalam melaksanakan perkhidmatan pengurusan aset. Semakan Audit mendapati wujud kelemahan dalam pengurusan sumber manusia; jaminan kualiti dan penilaian risiko; serta penyediaan polisi oleh syarikat konsesi. Butiran lengkap adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PENEMUAN AUDIT BERKAITAN TANGGUNGJAWAB UMUM SYARIKAT KONSESI**

| BIL. | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | PENEMUAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <p style="text-align: center;"><b>Sumber Manusia</b></p> <p>i. Perenggan 6.1 <i>Appendix E, Asset Management Services Manual</i> menetapkan syarikat konsesi perlu melantik 16 kakitangan pelbagai jawatan untuk menjalankan penyenggaraan bagi memastikan PPLTB sentiasa berfungsi 24 jam sehari.</p> <p>ii. Perenggan 7.6 <i>Appendix E, Asset Management Services Manual</i> menyatakan syarikat konsesi perlu melantik kakitangan yang berkelayakan dan berkemahiran untuk menjalankan kerja mengikut spesifikasi dan keperluan Kerajaan. Semua kerja yang dibuat perlu dipantau oleh kakitangan yang berkelayakan, cekap dan mahir.</p> | <p>i. Semakan Audit terhadap carta organisasi syarikat konsesi mendapati hanya 15 kakitangan dilantik. Selain itu, syarikat konsesi juga tidak pernah mengemukakan salinan <i>Curriculum Vitae</i> (CV) kepada LKIM seperti yang telah ditetapkan.</p> <p>ii. Semakan Audit terhadap Perjanjian Konsesi mendapati kelayakan akademik atau pengalaman yang diperlukan tidak dinyatakan. Perkara ini menyebabkan kesukaran bagi pihak LKIM/Kerajaan untuk menentukan sama ada syarikat konsesi telah melantik kakitangan yang berkelayakan, cekap dan berkemahiran. Pelantikan kakitangan yang tidak kompeten boleh memberi kesan kepada kualiti kerja penyenggaraan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi.</p> <p><b>Maklum balas UKAS yang diterima pada 3 Mac 2020</b></p> <p>Pelantikan kakitangan yang tidak kompeten adalah di bawah bidang kuasa wakil Kerajaan di mana LKIM adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelantikan yang dilaksanakan selari dengan keperluan LKIM.</p> |
| 2.   | <p style="text-align: center;"><b>Pensijilan ISO9001:2008</b></p> <p>Perenggan 7.1 <i>Appendix E, Asset Management Services Manual</i> menetapkan syarikat konsesi hendaklah memperoleh Pensijilan ISO9001:2008 <i>Quality Management System</i> yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat konsesi.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2019, syarikat konsesi masih belum memperoleh Pensijilan ISO9001:2008. Pensijilan ISO adalah penting bagi membantu meningkatkan kecekapan perkhidmatan syarikat konsesi.</p> <p><b>Maklum balas LKIM yang diterima pada 29 Mei 2020</b></p> <p>Sehingga kini, pihak konsesi masih dalam proses mendapatkan pensijilan ISO bagi mematuhi kehendak Perjanjian Konsesi. Pada 23 Disember 2019, syarikat konsesi telah melantik perunding untuk proses pensijilan ISO.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 3.   | <p style="text-align: center;"><b>Penilaian Risiko (Risks Assessment)</b></p> <p>Perenggan 7.11 <i>Appendix E, Asset Management Services Manual</i> menyatakan pengurusan risiko adalah aspek penting dalam penyampaian perkhidmatan pengurusan aset. Program Pengurusan Risiko akan membolehkan syarikat konsesi menguruskan PPLTB dengan kondusif dan selamat tanpa menjejaskan prestasi dan kecekapan perkhidmatan. Syarikat konsesi perlu membangunkan analisis pengurusan risiko yang komprehensif dan perlu dikategorikan kepada bidang manusia, fizikal, persekitaran, organisasi dan kewangan.</p>                                   | <p>Semakan Audit mendapati syarikat konsesi masih belum membangunkan analisis pengurusan risiko seperti yang digariskan dalam Perjanjian Konsesi. Pembangunan analisis pengurusan risiko adalah penting bagi mengurangkan kebarangkalian, memindah, mengelak dan penerimaan risiko yang akan dihadapi oleh pengguna PPLTB.</p> <p><b>Maklum balas LKIM yang diterima pada 29 Mei 2020</b></p> <p>Pihak konsesi masih dalam proses pembangunan dokumen <i>Risk Assessment</i>. Penilaian risiko akan dibuat setelah dokumen <i>Risk Assessment</i> dimuktamadkan. Anggaran selesai penilaian risiko ialah pada akhir suku tahun ketiga tahun 2020.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |

| BIL. | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | PENEMUAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.   | <p><b><i>Integrated Fishery Complex Facilities Policy</i></b></p> <p>Perenggan 8.1 <i>Appendix E, Asset Management Services Manual</i> menerangkan <i>Integrated Fishery Complex Facilities Policy</i> adalah panduan untuk mengoperasi kemudahan di PPLTB. Polisi ini akan digunakan sebagai panduan kepada pengguna PPLTB dan Pengurus Fasilitas dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan keadaan fizikal PPLTB.</p> | <p>Semakan Audit mendapati Polisi Persekitaran, Polisi Keselamatan dan Kesihatan serta Polisi Penyenggaraan Fasilitas ada disediakan dan telah dikemukakan kepada LKIM. Bagaimanapun, ketiga-tiga polisi tersebut bukan hak milik syarikat konsesi. Semakan Audit selanjutnya mendapati polisi yang dikemukakan juga tidak disahkan dan ditandatangani oleh penyedia polisi. Empat (4) polisi yang lain tidak dikemukakan kepada LKIM.</p> <p>Ketiadaan Polisi Kualiti, Polisi Penyenggaraan Kawasan EU, Polisi Pengurusan Khidmat Pelanggan dan Polisi Kelangsungan Perniagaan boleh menyebabkan pengguna PPLTB dan Pengurus Fasilitas tidak mempunyai panduan yang jelas dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan keadaan fizikal PPLTB.</p> <p><b>Maklum balas LKIM yang diterima pada 10 Mac 2020</b></p> <p>Pihak konsesi memaklumkan bahawa <i>Integrated Fishery Complex Facilities Policy</i> akan dibangunkan selaras kehendak pensijilan ISO.</p> |

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- ii. Kelemahan yang dibangkitkan boleh memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan pengurusan aset yang diberikan oleh syarikat konsesi. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak LKIM tidak pernah memantau perkara ini bagi memastikan syarikat konsesi sentiasa mematuhi kehendak Perjanjian Konsesi dan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.

#### **b. Computerised Maintenance Management System**

- i. Perenggan 7.3 *Appendix E, Asset Management Services Manual*, Perjanjian Konsesi menyatakan semua aduan hendaklah direkodkan ke *Computerised Maintenance Management System* (CMMS). Maklumat/data dari CMMS ini digunakan untuk mengukur pencapaian *Key Performance Indicators* (KPI) bulanan syarikat konsesi bagi menentukan jumlah potongan bayaran MC yang perlu dibuat.
- ii. Semakan Audit mendapati syarikat konsesi telah membangunkan CMMS untuk kegunaan PPLTB. Sistem ini boleh dimuat turun oleh pengguna pada telefon pintar. Pengguna CMMS terdiri daripada kakitangan PPLTB dan syarikat konsesi sahaja. Bagi pelanggan lain di PPLTB seperti nelayan dan penyewa premis, mereka dikehendaki melaporkan aduan kepada kakitangan LKIM untuk dikunci masuk ke dalam aplikasi CMMS. Semakan Audit terhadap senarai WO dalam CMMS mendapati sistem ini telah digunakan sepenuhnya di PPLTB sejak bulan Januari 2018. Sebelum CMMS digunakan, semua aduan direkod menggunakan borang manual.

- iii. *Walkthrough test* oleh pasukan Audit bersama pihak PPLTB dan syarikat konsesi pada 5 Ogos 2019 mendapati CMMS telah diguna untuk merekodkan aduan pengguna terhadap kerosakan yang berlaku di PPLTB.
- iv. Untuk memastikan CMMS berfungsi dengan baik, semakan Audit telah dibuat terhadap kawalan input, output, *master files* dan *standing data* serta *system administrator*. Penemuan Audit adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**PENEMUAN AUDIT BERKAITAN CMMS**

| BIL. | KAWALAN                                              | PENEMUAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------|------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Kawalan Input – Pembatalan WO                        | Berdasarkan <i>walkthrough test</i> , pembatalan WO akan dilakukan oleh pengadu berdasarkan penilaian oleh juruteknik. Semakan Audit mendapati setakat 31 Julai 2019, sebanyak 12 daripada 480 (2.5%) WO telah dibatalkan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati <b>proses pembatalan WO ini tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen atau Manual Prosedur Kerja (MPK) Bahagian Pembangunan Infrastruktur LKIM</b> . Kelemahan ini boleh menyebabkan WO dibatalkan tanpa kelulusan dan memberi kesan kepada keberkesanan kerja pembaikan di PPLTB.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 2.   | Kawalan Output                                       | Semakan Audit semasa <i>walkthrough test</i> mendapati <b>CMMS tidak dapat menjana sebarang laporan</b> . Bagi tujuan pengiraan KPI, syarikat konsesi akan menyalin data WO dari CMMS ke <i>Microsoft Excel</i> mengikut bulan. Kemudian, syarikat konsesi akan menyediakan laporan WO secara manual untuk dikemukakan kepada pihak LKIM.<br><b>Maklum balas LKIM yang diterima pada 10 Mac 2020</b><br>Pihak LKIM mengambil maklum hal tersebut dan akan meminta pihak konsesi untuk menambah baik sistem sedia ada supaya data WO dapat dijana terus dari CMMS bagi tujuan penyediaan laporan WO.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 3.   | Kawalan <i>Master Files</i> dan <i>Standing Data</i> | Semakan Audit semasa <i>walkthrough test</i> mendapati <b>laporan audit trail tidak dapat dijana daripada CMMS</b> . Syarikat konsesi hanya mengemukakan tangkapan skrin <i>audit trail</i> daripada laman web untuk semakan Audit. Semakan Audit terhadap tangkapan skrin <i>audit trail</i> yang dikemukakan mendapati <i>audit trail</i> tersebut tidak mengandungi maklumat seperti perubahan yang dibuat, maklumat asal dan terkini serta rangkaian dan aplikasi yang digunakan. Maklumat <i>audit trail</i> yang tidak lengkap memberikan risiko kerosakan, kehilangan, penghapusan, pemalsuan dan pengubahsuaian data sistem CMMS tanpa kebenaran.<br><b>Maklum balas LKIM yang diterima pada 10 Mac 2020</b><br>Pihak LKIM mengambil maklum hal tersebut dan akan meminta pihak konsesi untuk menambah baik sistem sedia ada agar sebarang perubahan yang dibuat, maklumat asal dan terkini, rangkaian dan aplikasi yang digunakan dapat dikesan. |
| 4.   | <i>System Administrator</i>                          | Berdasarkan <i>walkthrough test</i> yang dijalankan, pihak PPLTB tidak mempunyai akses/peranan sebagai <i>system administrator</i> CMMS. CMMS telah diuruskan sepenuhnya oleh syarikat konsesi. Selain itu, PPLTB juga tidak diberikan peranan untuk <i>view</i> sistem ini bagi tujuan semakan. <b>PPLTB hanya diberikan peranan sebagai pengguna untuk membuat aduan</b> . Tanpa semakan oleh PPLTB, maklumat/data sistem ini terdedah kepada manipulasi oleh syarikat konsesi. Memandangkan maklumat CMMS digunakan sebagai sumber pengiraan KPI dan seterusnya menentukan jumlah pemotongan bayaran MC, adalah penting untuk memastikan integriti CMMS berada pada tahap maksimum.                                                                                                                                                                                                                                                                    |

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Selain itu, semakan Audit juga mendapati **tiada bukti menunjukkan pihak LKIM pernah membuat semak silang maklumat WO dalam Laporan Bulanan Penyenggaraan berbanding maklumat**

**yang direkodkan dalam CMMS.** Ketepatan maklumat WO adalah penting kerana maklumat tersebut akan memberi kesan kepada pengiraan KPI dan jumlah potongan MC yang dikenakan kepada syarikat konsesi. Selain itu, LKIM juga tidak pernah menyemak *audit trail* CMMS bagi memastikan integriti dan kesahihan data yang dikemukakan oleh syarikat konsesi.

- vi. Pihak Audit mendapati kelemahan CMMS adalah disebabkan Perjanjian Konsesi tidak menetapkan syarat spesifikasi sistem yang perlu dipatuhi dalam pembangunan CMMS. Kelemahan ini telah memberi kesan kepada data yang digunakan dalam pengiraan tujuh (7) KPI. Selanjutnya, ia telah menyebabkan bayaran MC berjumlah RM239,150 sebulan telah dibuat berdasarkan maklumat KPI yang tidak sah.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 13 November 2020**

Mulai bulan Julai 2020, PPLTB telah membuat semakan silang antara WO dalam Laporan Bulanan Penyenggaraan dengan WO dalam aplikasi CMMS. Setiap penemuan dalam semakan silang itu akan dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal PPLTB.

|                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Ketiadaan spesifikasi pembangunan CMMS yang jelas telah menyebabkan sistem yang dibangunkan oleh syarikat konsesi tidak <i>reliable</i>. Selain itu, kegagalan LKIM membuat semakan dan pemantauan terhadap sistem menimbulkan isu kredibiliti sistem dan integriti data.</b> |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

### **c. Penyenggaraan Pencegahan Berjadual**

- i. Perenggan 3.2 *Appendix E, Asset Management Services Manual*, Perjanjian Konsesi menyatakan penyenggaraan pencegahan berjadual [*Planned Preventive Maintenance* (PPM)] merupakan perkara utama dalam aspek penyenggaraan. Semakan Audit terhadap pengurusan PPM mendapati kelemahan seperti berikut:
  - empat (4) daripada lapan (8) spesifikasi kerja yang ditetapkan tidak disediakan *checklist*. *Checklist* bagi tiga (3) spesifikasi kerja yang telah disediakan adalah tidak lengkap. **Kegagalan menyediakan *checklist* yang lengkap boleh memberi risiko PPM yang dilaksanakan tidak mengikut kehendak *Asset Management Services Manual*;**
  - syarikat konsesi tidak mengemukakan cadangan Jadual PPM kepada LKIM dalam tempoh enam (6) bulan sebelum *Construction Completion Date*;

- Jadual PPM bulanan bagi bulan Julai hingga November 2017 tidak dikemukakan kepada Pejabat Pengurusan Fasiliti PPLTB. Jadual PPM tahunan bagi tempoh tahun 2017 sehingga 2019 juga tidak pernah dikemukakan kepada PPLTB;
  - analisis Audit terhadap Jadual PPM bagi bulan Ogos 2018 hingga Julai 2019 mendapati sebanyak **37 kerja PPM telah dijadualkan kurang daripada kekerapan yang ditetapkan dalam *checklist* kerja PPM**. Perbezaan kekerapan adalah antara satu (1) hingga 38 kali. LKIM dalam maklum balasnya menjelaskan perkara ini berlaku kerana syarikat konsesi telah membuat perubahan terhadap *Standard Delivery Manual* tanpa kelulusan LKIM;
  - **tiada bukti menunjukkan pihak PPLTB pernah membuat pemantauan** terhadap kerja PPM yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi; dan
  - hasil semakan silang terhadap sampel 495 borang *checklist* bagi bulan Mei 2019 menunjukkan semua kerja PPM telah disahkan oleh *Technician Executive* atau *Facility Supervisor* syarikat konsesi. Namun begitu, **tiada pengesahan dibuat oleh pihak pengurusan PPLTB**.
- ii. Kelemahan yang dibangkitkan boleh memberi risiko penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan ke atas aset yang akhirnya memberi kesan kepada tahap boleh guna dan usia guna aset yang terlibat. Selain itu, tanpa pemantauan yang optimum menyebabkan pihak LKIM tidak dapat mengesahkan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi.

#### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 10 Mac, 13 dan 29 Mei 2020**

Empat (4) *checklist* telah dikemukakan oleh syarikat konsesi kepada PPLTB. Pihak pengurusan PPLTB telah memohon syarikat konsesi mengemukakan Jadual PPM tahunan pada 19 Disember 2019. Bermula bulan Januari 2020, pengurusan PPLTB telah membuat pengesahan pada borang *checklist* semasa pemeriksaan fizikal dilakukan.

**Pendapat Audit | Pengurusan penyenggaraan PPLTB adalah kurang memuaskan. Pemantauan tidak menyeluruh telah menyebabkan LKIM tidak menyedari ketidakpatuhan syarikat konsesi terhadap syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi.**

## 5.2.6. Pengurusan Bayaran kepada Syarikat Konsesi

### a. Kos Perolehan Tanah

- i. Klausula 52.2 (b) Perjanjian Konsesi menyatakan kos berkaitan pengambilalihan tanah yang dibayar oleh syarikat konsesi untuk tujuan projek dengan jumlah RM1.34 juta perlu dibayar balik kepada syarikat konsesi. Klausula 52.3 (b) pula menetapkan bayaran balik perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) tahun daripada *Effective Date*.
- ii. Semakan Audit terhadap salinan baucar bayaran di LKIM mendapati **bayaran berjumlah RM3.44 juta telah dibuat pada 6 Januari 2015 bagi tujuan membayar balik kos tanah yang ditanggung oleh syarikat konsesi**. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bayaran tersebut disebabkan **baucar bayaran asal berserta dokumen sokongan tidak dikemukakan untuk semakan Audit**. Bahagian Kewangan dan Akaun LKIM mengesahkan baucar bayaran asal telah hilang dari simpanan LKIM dan laporan polis berkenaan kehilangan tersebut telah dibuat pada 20 November 2019.
- iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap memo daripada Bahagian Infrastruktur LKIM kepada Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM bertarikh 31 Disember 2014 mendapati bayaran RM3.44 juta dibayar berdasarkan Klausula 52.2 Perjanjian Konsesi. Namun, semakan Audit mendapati **bayaran ini bercanggah dengan Klausula 52.2 Perjanjian Konsesi yang menyatakan kos pengambilalihan tanah yang boleh dibayar balik adalah berjumlah RM1.34 juta sahaja**.
- iv. Selain daripada bayaran berjumlah RM3.44 juta, pihak Audit mendapati pada 26 Ogos 2015 LKIM telah membuat bayaran tambahan pampasan tanah berjumlah RM765,836 kepada Pejabat Tanah dan Survei Kuching. Bayaran ini dibuat selaras dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuching pada 24 Oktober 2014. Secara keseluruhan, LKIM telah membayar sejumlah RM4.20 juta bagi perolehan tanah.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 15 Julai 2020**

Perkara ini telah dibincangkan semasa Mesyuarat Penyelaras Antara Agensi Projek Pembangunan PPLTB pada 19 Jun 2020 di UKAS. LKIM memaklumkan terdapat keperluan untuk meminda Klausula 52.2 (b) Perjanjian Konsesi yang berkaitan dengan bayaran kos tanah memandangkan terdapat tambahan kos pengambilalihan tanah. Mesyuarat telah bersetuju supaya LKIM mengemukakan semua surat dan dokumen berkaitan dengan kos pengambilalihan tanah berjumlah RM3.44 juta untuk penelitian UKAS.

**Pendapat Audit** | Pembayaran berjumlah RM3.44 juta merupakan *improper payment* kerana semasa bayaran dibuat LKIM tidak mempunyai punca kuasa untuk membuat bayaran melebihi amaun RM1.34 juta yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi.

**b. Availability Charges**

- i. *Availability Charges* (AC) merupakan caj sewa bulanan yang perlu dibayar oleh LKIM kepada syarikat konsesi. Merujuk kepada Klausa 5.2.1 Perjanjian Konsesi, tuntutan pertama bayaran AC hendaklah dibuat selepas sebulan daripada tarikh *Asset Management Service Commencement Date* (22 Julai 2017) dan pada tarikh yang sama setiap bulan di sepanjang Tempoh Perkhidmatan Pengurusan Aset.
- ii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran AC bagi tahun 2017 sehingga 2019 mendapati tempoh tuntutan adalah dari 1 hingga 30 hari bulan dan bukannya 22 hingga 21 hari bulan berikutnya setiap bulan. Perkara ini bercanggah dengan Klausa 5.2.1 Perjanjian Konsesi dan boleh menyebabkan kekeliruan semasa pembayaran AC bagi tahun ke-13 memandangkan kadar bayaran AC akan berubah pada tahun tersebut.

**c. Maintenance Charges**

- i. Klausa 18.1.2 Perjanjian Konsesi menyatakan sekiranya syarikat konsesi gagal dan/atau cuai untuk menjalankan sebarang perkhidmatan pengurusan aset atau pengurusan aset yang dijalankan tidak mengikut *Asset Management Services Manual* dalam mana-mana bulan, LKIM berhak untuk mengenakan hukuman nilai demerit yang berkaitan; dan memotong amaun tersebut daripada caj perkhidmatan pengurusan aset untuk bulan tersebut. Perenggan 9.0 *Appendix E Asset Management Services Manual* menyatakan KPI akan digunakan untuk memantau prestasi dalam penyampaian perkhidmatan.
- ii. Semakan Audit terhadap proses bayaran MC mendapati pengiraan jumlah pemotongan MC dibuat secara manual. LKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal PPLTB dan Jawatankuasa Pelulus Bayaran Konsesi PPLTB sebagai kawalan dalaman untuk mengesah, mengesyor seterusnya meluluskan jumlah bayaran serta pemotongan MC.
- iii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran MC bagi bulan Julai 2017 hingga Disember 2019 mendapati sejumlah RM11.91 juta telah dibayar kepada syarikat konsesi setelah mengambil kira pemotongan berjumlah RM388,864.

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada pemotongan dibuat pada bulan Julai hingga Oktober 2017 kerana Penasihat Undang-undang LKIM berpandangan pemotongan tidak boleh dibuat selagi *Service Level Agreement* (SLA) tidak dimuktamadkan.** Bengkel *Asset Management Service* (AMS) bagi memuktamadkan SLA hanya dibuat pada 8 dan 9 November 2017. Pihak Audit mendapati pembayaran MC bagi bulan Julai hingga Oktober 2017 tidak disemak semula selepas penetapan KPI dibuat semasa bengkel AMS pada bulan November 2017.
- v. Pihak Audit telah membuat semakan terhadap setiap pencapaian KPI dan kesannya kepada jumlah pemotongan MC untuk menentukan bayaran MC bagi bulan Julai 2017 hingga Julai 2019 telah dibuat dengan teratur. Pihak Audit telah membuat semak silang antara maklumat pencapaian KPI yang dilaporkan oleh syarikat konsesi dengan dokumen sokongan dan data CMMS. Analisis Audit mendapati **sejumlah RM0.98 juta bayaran MC tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan mengenai pencapaian KPI dikemukakan oleh syarikat konsesi kepada LKIM.** Selain itu, berdasarkan pengiraan Audit, **LKIM telah terkurang potong MC berjumlah RM1.74 juta.** Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 16.**

**JADUAL 16**  
**PERBEZAAN PEMOTONGAN MC OLEH LKIM BERBANDING PENGIRAAN AUDIT**

| KPI | PENERANGAN PERKHIDMATAN                                    | PENGUKURAN PRESTASI                                           | PEMOTONGAN MC             |                         |                                | CATATAN                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-----|------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|---------------------------|-------------------------|--------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |                                                            |                                                               | DILULUSKAN LKIM (RM '000) | PENGIRAAN AUDIT         |                                |                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|     |                                                            |                                                               |                           | PEMOTONGAN MC (RM '000) | TIDAK DAPAT DISAHKAN (RM '000) |                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 2   | <i>Availability of All Management Services and Systems</i> | Pematuhan kepada tarikh penyerahan laporan penyenggaraan 100% | 0.00                      | 0.00                    | 139.50                         | Tidak dapat disahkan kerana: <ul style="list-style-type: none"><li>• Tarikh penghantaran laporan mingguan tidak ditetapkan</li><li>• Laporan setengah tahun tidak dikemukakan</li></ul>                                                                          |
| 3   | <i>General Complaint on Service</i>                        | Jumlah WO tidak boleh melebihi 25% daripada populasi pengguna | 76.64                     | 76.64                   | 0.00                           | -                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 4   | <i>Resolving General Service Complaint</i>                 | 80% WO hendaklah ditutup pada hari yang sama                  | 5.32                      | 15.83                   | 0.00                           | <ul style="list-style-type: none"><li>• Perbezaan disebabkan jumlah WO yang dilaporkan dalam laporan bulanan tidak sama dengan yang dimuat turun dari CMMS</li><li>• Penentuan <i>turnaround time</i> oleh LKIM tidak seperti dalam Perjanjian Konsesi</li></ul> |

| KPI    | PENERANGAN PERKHIDMATAN                                                        | PENGUKURAN PRESTASI                                                                                                                                                                    | PEMOTONGAN MC             |                         |                                | CATATAN                                                                                                                                                                                                                                       |
|--------|--------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|-------------------------|--------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        |                                                                                |                                                                                                                                                                                        | DILULUSKAN LKIM (RM '000) | PENGIRAAN AUDIT         |                                |                                                                                                                                                                                                                                               |
|        |                                                                                |                                                                                                                                                                                        |                           | PEMOTONGAN MC (RM '000) | TIDAK DAPAT DISAHKAN (RM '000) |                                                                                                                                                                                                                                               |
| 6      | <i>Effectiveness of Customer Care Centre Regarding Requests and Complaints</i> | Tempoh masa respons diberikan oleh syarikat konsesi terhadap setiap aduan/WO                                                                                                           | 24.70                     | 20.00                   | 0.00                           | Perbezaan disebabkan jumlah WO yang dilaporkan dalam laporan bulanan tidak sama dengan yang dimuat turun dari CMMS                                                                                                                            |
| 7      | <i>Availability of Major Services</i>                                          | Sifar <i>downtime</i> bagi perkhidmatan utama di kawasan perkhidmatan 24 jam dan 10% (daripada normal <i>working hour</i> ) <i>downtime</i> bagi perkhidmatan utama di kawasan pejabat | 139.50                    | 139.50                  | 0.00                           | -                                                                                                                                                                                                                                             |
| 8      | <i>Availability of Comfortable Working Environment</i>                         | Suhu penyaman udara perlu dikekalkan pada suhu 24°C±1°C DB dan tahap kelembapan pada tahap RH 55%±5%                                                                                   | 0.00                      | 0.00                    | 418.51                         | Tidak dapat disahkan kerana dokumen pemeriksaan suhu penyaman udara tidak dilampirkan bersama laporan bulanan                                                                                                                                 |
| 9      | <i>Execution of PPM as per Schedule</i>                                        | Pelaksanaan PPM perlu mencapai 100% mengikut jadual PPM                                                                                                                                | 0.00                      | 15.76                   | 0.00                           | Terdapat perbezaan daripada jumlah sebenar dan di jadual bagi bulan Mac, April, Julai, September 2018 dan Mac 2019                                                                                                                            |
| 10     | <i>Execution of Corrective Maintenance</i>                                     | Tempoh masa pelaksanaan penyenggaraan pembaikan oleh syarikat konsesi                                                                                                                  | 60.78                     | 109.59                  | 0.00                           | Penentuan <i>execution time</i> oleh LKIM tidak seperti dalam Perjanjian Konsesi                                                                                                                                                              |
| 12     | <i>Compliance to Statutory Requirement</i>                                     | 100% pemuatan terhadap undang-undang                                                                                                                                                   | 0.00                      | 0.00                    | 418.51                         | Tidak dapat disahkan kerana Laporan Bulanan Penyenggaraan tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang terperinci untuk membuktikan pemuatan syarikat konsesi terhadap arahan lapan (8) kementerian/agensi/ badan berkanun yang dipersetujui |
| 13     | <i>Compliance to European Union's Requirement for EU-Compliant Area</i>        | 100% pemuatan terhadap keperluan EU berdasarkan laporan <i>EU Committee</i>                                                                                                            | 5.31                      | 1,674.05                | 0.00                           | <i>EU Committee</i> hanya ditubuhkan pada 1 Februari 2020                                                                                                                                                                                     |
| JUMLAH |                                                                                |                                                                                                                                                                                        | 312.25                    | 2,051.37                | 976.52                         |                                                                                                                                                                                                                                               |

Sumber: Analisis Audit

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 10 Mac dan 29 Mei 2020**

LKIM mengambil perhatian mengenai bayaran MC bulan Julai hingga Oktober 2017 yang tidak disemak semula. Perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pelulus yang akan diadakan pada bulan Jun 2020. Tindakan pembetulan akan dibuat dengan memastikan syarikat konsesi menyertakan maklumat yang lengkap dalam laporan bulanan.

**Pendapat Audit** | **Pengiraan pemotongan MC secara manual telah memberi kesan kepada kecekapan pengurusan bayaran MC. Kegagalan LKIM menyemak kesahihan pencapaian KPI dan dokumen sokongan yang tidak lengkap telah menyebabkan pemotongan MC tidak dibuat mengikut Perjanjian Konsesi.**

#### **5.2.7. Pengurusan Hasil PPLTB**

Berdasarkan *Summary Trial Balance Report*, hasil yang dikutip oleh PPLTB bagi tahun 2017 sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM646,492. Sejumlah RM183,922 dikutip daripada caj perkhidmatan manakala RM462,570 dikutip daripada sewaan kemudahan di PPLTB. Semakan Audit terhadap pengurusan hasil di PPLTB adalah seperti berikut:

##### **a. Penurunan Kuasa Mengutip Hasil**

- i. PK 005-1 (Perenggan 1) Manual Kewangan dan Perakaunan Am LKIM Versi Kedua menetapkan semua penerimaan sama ada dalam bentuk wang tunai atau cek hendaklah diakui terima dengan mengeluarkan resit rasmi dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa pada masa urusan dibuat.
- ii. Semakan Audit mendapati sehingga 4 Oktober 2019, 14 pegawai di PPLTB masih belum diberi penurunan kuasa menerima wang awam walaupun pegawai tersebut terlibat dengan penerimaan wang. Selain itu, lawatan Audit pada 8 Ogos 2019 mendapati pengawal keselamatan swasta yang dilantik oleh LKIM telah membuat kutipan bayaran caj kenderaan masuk bagi pihak PPLTB.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 13 dan 29 Mei 2020**

Teguran kepada PPLTB berkaitan kutipan caj kenderaan masuk yang dibuat oleh pengawal keselamatan swasta telah dikeluarkan pada 12 Mei 2020. Penurunan kuasa penerimaan wang telah dikeluarkan kepada 12 pegawai PPLTB pada 28 Mei 2020.

## b. Penetapan Caj/Kadar Hasil

- i. Kaedah-Kaedah LKIM<sup>2</sup> telah menetapkan caj-caj yang perlu dikenakan kepada pengguna kompleks perikanan antaranya caj ke atas kenderaan masuk, caj penggunaan kemudahan di kompleks perikanan dan caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan. Perenggan 16 Kaedah-Kaedah LKIM menyatakan Lembaga boleh mengecualikan mana-mana orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan di bawah Kaedah ini.
- ii. Semakan Audit terhadap kadar caj penggunaan kemudahan dan perkhidmatan di PPLTB dalam Maklumat Asas Komponen-Komponen PPLTB mendapati **kadar caj adalah berbeza dengan yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah LKIM**. Hanya caj bagi permit masuk dan caj ke atas kenderaan masuk (kecuali motosikal) didapati mengikut Kaedah-Kaedah LKIM. Maklumat lanjut mengenai kadar caj yang berbeza adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**KADAR CAJ YANG DITETAPKAN MENGIKUT KAEDAH-KAEDAH LKIM**  
**BERBANDING CAJ SEBENAR YANG DIKUTIP DI PPLTB**

| BIL                                                                | JENIS CAJ                                                                                                          | CAJ MENGIKUT KAEDAH-KAEDAH LKIM                                                                                                                                                                                                                                     | CAJ DIKUTIP DI PPLTB                                                                                      |
|--------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.                                                                 | Permit masuk                                                                                                       | RM5 setahun                                                                                                                                                                                                                                                         | RM5 setahun                                                                                               |
| <b>CAJ KE ATAS KENDERAAN MASUK</b>                                 |                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                           |
| 2.                                                                 | Kereta, van, station-wagon, motosikal dengan kereta sisi atau pick-up (tidak melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan) | RM1                                                                                                                                                                                                                                                                 | RM1                                                                                                       |
| 3.                                                                 | Lori, bas atau trak (melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan)                                                         | RM2                                                                                                                                                                                                                                                                 | RM2                                                                                                       |
| 4.                                                                 | Motosikal                                                                                                          | RM0.50                                                                                                                                                                                                                                                              | Percuma                                                                                                   |
| <b>CAJ BAGI PENGGUNAAN KEMUDAHAN ATAU RUANG KOMPLEKS PERIKANAN</b> |                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                           |
| 5.                                                                 | Bilik sejuk                                                                                                        | Melalui tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga                                                                                                                                                                                        | Cold storage - RM2,700<br>Ice storage – RM4,600<br>Blast freezer – RM2,600<br>Ice crusher machine – RM500 |
| 6.                                                                 | Dewan pemasaran                                                                                                    | RM54.00 bagi satu meter persegi sebulan                                                                                                                                                                                                                             | Tidak dinyatakan                                                                                          |
| 7.                                                                 | Pejabat niaga – struktur konkrit                                                                                   | RM22.00 bagi satu meter persegi sebulan                                                                                                                                                                                                                             | RM300 sebulan                                                                                             |
| 8.                                                                 | Kantin                                                                                                             | Melalui tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga                                                                                                                                                                                        | RM1,000 sebulan                                                                                           |
| 9.                                                                 | Bangsai pembetulan jaring                                                                                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sehingga tiga (3) hari selepas permit dikeluarkan, pada kadar RM1 bagi satu meter persegi sehari</li> <li>Dari empat (4) hingga 15 hari selepas permit dikeluarkan, pada kadar RM3 bagi satu meter persegi sehari</li> </ul> | Tidak dinyatakan                                                                                          |

<sup>2</sup> Kaedah-Kaedah LKIM (Kompleks Perikanan, Labuhan Perikanan dan Jeti Perikanan Ikan) 2010

| BIL                                                                                      | JENIS CAJ                                                                                                                                           | CAJ MENGIKUT KAEDAH-<br>KAEDAH LKIM                                                                                                                | CAJ DIKUTIP DI PPLTB                                                                                                                                  |
|------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                          |                                                                                                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Dari 16 hingga 30 hari selepas permit dikeluarkan, pada kadar RM5 bagi satu meter persegi sehari</li> </ul> |                                                                                                                                                       |
| 10.                                                                                      | Bangsai penstoran jaring                                                                                                                            | RM2.00 sehari bagi satu meter persegi selepas permit dikeluarkan                                                                                   | RM150 sebulan – unit simpanan kecil (6m X 4m)<br>RM300 sebulan – unit simpanan besar (8m X 6m)                                                        |
| 11.                                                                                      | Caj bagi tambatan – satu trip di bawah 9.9 grt<br>10 grt hingga 39.9 grt<br>40 grt hingga 69.9 grt<br>70 grt hingga 99.9 grt<br>100 grt dan ke atas | Percuma<br>RM3<br>RM10<br>RM30<br>RM100                                                                                                            | Percuma<br>RM3<br>RM10<br>RM30<br>RM30                                                                                                                |
| 12.                                                                                      | <i>Fork lift</i>                                                                                                                                    | RM3 bagi satu palet                                                                                                                                | RM3 bagi satu palet<br>RM30 sehari<br>RM500 sebulan                                                                                                   |
| 13.                                                                                      | Penggunaan ruang kompleks perikanan untuk apa-apa tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual ini                                           | Mengikut tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga                                                                      | Pejabat Operasi - RM4,000<br>Jeti Minyak Diesel - RM2,500<br>Penyimpanan Kotak Ikan - RM70<br>Dewan Serbaguna - RM500 sehari<br>Pasar Nelayan - RM100 |
| <b>CAJ PERKHIDMATAN BAGI IKAN YANG DIPINDAHKAN MELAINKAN MELALUI SESUATU ACARA LELOG</b> |                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                       |
| 14.                                                                                      | (i) Bekas atau simpanan lain yang mengandungi tidak lebih daripada 50kg ikan                                                                        | RM0.50 setiap bekas                                                                                                                                | RM0.01 setiap kg ikan                                                                                                                                 |
|                                                                                          | (ii) Bekas atau simpanan lain yang mengandungi tidak lebih daripada 50kg ke 100 kg ikan                                                             | RM1.00 setiap bekas                                                                                                                                |                                                                                                                                                       |
|                                                                                          | (iii) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi lebih daripada 100 kg ikan                                                           | RM0.10 setiap kg ikan                                                                                                                              |                                                                                                                                                       |

Sumber: Kaedah-Kaedah LKIM dan Kadar Caj Penggunaan Kemudahan & Perkhidmatan di PPLTB

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti pengecualian caj telah diperoleh daripada Lembaga bagi caj-caj yang berbeza tersebut. LKIM hanya mengemukakan surat daripada Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Infrastruktur kepada Pengarah LKIM Negeri Sarawak bertarikh 11 Oktober 2017 yang memaklumkan bahawa Ketua Pengarah LKIM bersetuju dan meluluskan cadangan caj dan sewaan komponen di PPLTB. Caj tersebut adalah caj ke atas kenderaan masuk, caj pengisytiharan dan caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan.
- iv. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada LKIM telah melaksanakan tender atau rundingan bagi penetapan kadar caj yang dikenakan oleh PPLTB bagi sewaan kemudahan di PPLTB seperti bilik sejuk, kantin dan penggunaan ruang kompleks perikanan.
- v. Semakan lanjut Audit terhadap kutipan caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan mendapati **PPLTB telah mengutip caj berkenaan pada**

**kadar RM0.01 bagi setiap kg ikan sejak bulan Januari 2018.** Perkara ini didapati **bercanggah dengan kadar yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah LKIM** yang menetapkan tiga (3) kadar berbeza mengikut bekas yang digunakan. Semakan Audit terhadap rekod pendaratan ikan di PPLTB mendapati semua pendaratan ikan direkod menggunakan berat ikan. Tiada rekod mengenai bekas ikan disenggara oleh PPLTB. Selain itu, pihak Audit juga mendapati caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan pada tahun 2017 tidak dikutip walaupun terdapat rekod pendaratan ikan sebanyak 273,304 kg.

- vi. Perkara ini menyebabkan PPLTB terkurang kutip caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan. Mengikut pengiraan Audit, PPLTB telah terkurang kutip hasil berjumlah RM559,857 bagi tempoh tahun 2017 sehingga bulan Ogos 2019. Pengiraan ini dibuat berdasarkan kadar RM0.10 bagi setiap kg ikan didaratkan kerana LKIM tidak menyenggara sebarang rekod mengenai bekas yang digunakan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**ANALISIS TERHADAP CAJ YANG SEPATUTNYA DIKUTIP**  
**BERBANDING CAJ SEBENAR YANG DIKUTIP OLEH PPLTB**

| TAHUN                                | KUANTITI IKAN DIDARATKAN* (KG) | CAJ YANG DIKUTIP       |                             |
|--------------------------------------|--------------------------------|------------------------|-----------------------------|
|                                      |                                | SEPATUTNYA (RM0.10/KG) | LEJER PERAKAUNAN PPLTB (RM) |
| 2017                                 | 273,304                        | 27,330                 | -                           |
| 2018                                 | 3,954,512                      | 395,451                | 31,415                      |
| 2019**                               | 1,769,629                      | 176,963                | 8,472                       |
| <b>JUMLAH</b>                        | <b>5,997,445</b>               | <b>599,744</b>         | <b>39,887</b>               |
| <b>JUMLAH CAJ YANG TIDAK DIKUTIP</b> |                                |                        | <b>559,857</b>              |

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) - Laporan Harian Pendaratan Ikan PPLTB

(\*\*) - Sehingga Bulan Ogos 2019

- vii. Selain penetapan kadar yang tidak tepat, perkara ini berlaku kerana PPLTB tidak mematuhi Proses Kerja Pelepasan Ikan ke Luar Kompleks. Proses kerja ini menetapkan caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan perlu dikutip sebelum konsaimen boleh dibawa keluar dari kompleks perikanan. Bagaimanapun, di PPLTB caj berkenaan hanya dikutip apabila nelayan datang semula ke PPLTB untuk membuat pengisytiharan. Amalan ini telah menyebabkan PPLTB tidak mengutip caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan bagi nelayan yang tidak membuat pengisytiharan.

**Pendapat Audit** | Pelaksanaan kutipan caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan adalah tidak selaras dengan Kaedah-Kaedah LKIM dan telah menyebabkan ketirisan hasil Kerajaan.

**c. Sewaan Kemudahan dan Hartanah**

Semakan Audit terhadap Perjanjian Sewa dan pengurusan kutipan hasil sewa di PPLTB mendapati perkara berikut:

- i. sehingga 3 Oktober 2019, sejumlah RM40,011 tunggakan deposit masih belum dikutip oleh LKIM walaupun tempoh sewaan telah bermula sejak 1 Oktober 2018;
- ii. sehingga 4 Oktober 2019, sejumlah RM97,200 tunggakan sewa kemudahan masih belum dikutip yang mana tempoh tunggakan antara 28 hingga 332 hari;
- iii. bayaran sewa lewat dibayar antara tiga (3) hingga 322 hari; dan
- iv. lawatan Audit ke PPLTB pada 3 Oktober 2019 mendapati lima (5) *net loft* telah digunakan tanpa perjanjian sewaan yang menyebabkan kerugian hasil berjumlah RM750 sebulan. Keadaan *net loft* yang digunakan tanpa kebenaran adalah seperti dalam **Gambar 19** dan **20**.

**GAMBAR 19**



**GAMBAR 20**



Ruang *Net Loft*, PPLTB  
- *Net Loft* Digunakan Tanpa Kebenaran  
(03.10.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**Maklum balas LKIM yang diterima pada 10 Mac dan 13 Mei 2020**

Mulai tahun 2020, pihak PPLTB telah menambah baik kaedah tuntutan sewa selaras dengan Manual Kutipan dan Pelupusan Hutang (Sewaan) Kompleks LKIM. Sehingga akhir tahun 2019, hanya tiga (3) penyewa yang masih mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM22,480. Semua *net loft* yang tidak disewa telah dikunci.

#### d. Caj Penggunaan Kemudahan dan Perkhidmatan (Harian)

- i. Berdasarkan Proses Kerja Mengurus Pendaratan Ikan Vesel Tempatan, pegawai operasi akan merekod maklumat pendaratan vesel termasuk masa tiba, pemilik vesel dan nombor vesel. Pegawai operasi juga akan menerima permohonan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan di PPLTB seperti bekalan air, tambatan dan *fork lift* daripada ejen/pemilik vesel. Setiap permohonan tersebut akan direkodkan oleh pegawai operasi dalam Borang Penggunaan Kemudahan dan Perkhidmatan Pelabuhan.
- ii. Semakan Audit terhadap sampel 601 Borang Penggunaan Kemudahan dan Perkhidmatan Pelabuhan mendapati 568 borang tersebut telah dibuat bayaran berjumlah RM31,064 manakala 33 borang masih belum dibuat bayaran berjumlah RM5,091. Untuk mengesahkan semua bayaran ini telah dikeluarkan resit rasmi, pihak Audit telah membuat semak silang terhadap borang yang telah dibuat bayaran dengan salinan resit rasmi. Bagaimanapun, **daripada 568 borang yang telah dibuat bayaran, hanya 153 borang berjumlah RM7,729 dapat disuaikan dengan resit rasmi.** Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada hasil berjumlah RM23,335 telah dikeluarkan resit rasmi dan diakaunkan ke Akaun Hasil LKIM.
- iii. Seterusnya, semakan Audit terhadap 153 resit rasmi tersebut mendapati hanya 61 terimaan berjumlah RM928 telah dikutip pada hari yang sama. Sebanyak 92 terimaan dengan hasil berjumlah RM6,801 pula telah dikutip dalam tempoh antara satu (1) hingga 276 hari daripada tarikh kemudahan digunakan.

#### Maklum balas LKIM yang diterima pada 29 Mei 2020

Mulai 1 Jun 2020, semua caj perkhidmatan pelabuhan dan caj ikan dipindahkan hendaklah dibayar serta merta. Notis pemberitahuan mengenai perkara ini telah ditampal di jeti PPLTB.

|                       |                                                                                                                                                                                                        |
|-----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Kawalan dalaman kutipan hasil di PPLTB adalah lemah. Kegagalan LKIM mematuhi prosedur kerja yang ditetapkan telah mendedahkan LKIM kepada risiko salah guna kuasa dan ketirisan hasil Kerajaan.</b> |
|-----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## 6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, walaupun PPLTB telah disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, PPLTB masih belum berjaya mencapai sasaran pemusatan bagi 224 bot nelayan tempatan dan pendaratan ikan sebanyak 29,661 mt setahun. Kelemahan utama dalam pengurusan projek ialah tiada mekanisme penilaian *value for money*; ketiadaan parameter kewangan bagi penetapan AC, MC dan MRF; kelemahan dalam aspek pembinaan; sistem yang dibangunkan tidak *reliable*; kelemahan dalam pengurusan bayaran; dan kelemahan dalam kutipan hasil. Kelemahan dalam pengurusan projek yang dibangkitkan mengakibatkan projek ini tidak diuruskan dengan cekap dan berhemat.

## 7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

7.1. LKIM perlu mengambil langkah untuk meningkatkan penggunaan kemudahan PPLTB dengan menyediakan kemudahan kilang air batu;

7.2. LKIM perlu berbincang dengan pihak agensi negeri iaitu LSS, JKR Negeri dan UPEN Sarawak untuk menguatkuasakan keputusan mengenai penggunaan PPLTB, penyediaan kemudahan seperti jalan raya dan penempatan nelayan serta penutupan baraj;

7.3. UKAS perlu menjalankan semakan menyeluruh terhadap semua perjanjian konsesi bagi projek PPP/PFI untuk memastikan kadar AC telah mengambil kira kadar faedah pinjaman sebenar yang diberikan oleh pihak bank. Parameter kewangan yang boleh diambil kira dalam pengiraan AC, MC dan MRF hendaklah ditetapkan bagi memastikan kadar yang dipersetujui adalah munasabah dan menjaga kepentingan Kerajaan;

7.4. LKIM perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pematuhan terma dan syarat Perjanjian Konsesi, melakukan *due diligence* terhadap CMMS bagi memastikan CMMS adalah *credible*, *reliable* dan data berintegriti untuk mengukur pencapaian KPI. Selain itu, Unit Audit Dalam LKIM hendaklah menjalankan pengauditan pematuhan untuk memastikan kawalan dalaman operasi pelabuhan dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan ketirisan hasil Kerajaan; dan

7.5. UKAS perlu mengkaji semula garis panduan dan proses kerja terutama bagi aspek penilaian cadangan projek PFI supaya elemen *value for money* dinilai secara objektif. Selain itu, UKAS juga hendaklah mengkaji keperluan pelaksanaan kajian *outcome* bagi projek PPP/PFI supaya impak pelaksanaan projek secara PPP/PFI dapat diukur.